BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Pertama 2024



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Prakata

Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Pertama 2024 memberikan penilaian Bank Negara Malaysia mengenai risiko semasa dan potensi risiko terhadap kestabilan kewangan dan daya tahan sistem kewangan Malaysia yang berperanan penting sebagai pengantara kewangan dalam ekonomi. Tinjauan Kestabilan Kewangan ini turut melaporkan pelbagai langkah yang telah dilaksanakan untuk menguruskan risiko kepada kestabilan kewangan serta mengandungi rencana mengenai isu yang mendapat perhatian ramai.

Tinjauan Kestabilan Kewangan ini diterbitkan dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang isu-isu dan perkembangan yang mempengaruhi kestabilan kewangan di negara ini.

Semua analisis dalam dokumen ini menggunakan data sehingga 30 Jun 2024 atau dinyatakan sebaliknya.

Kandungan

Sorotan Penting

Tinjauan Keseluruhan

Perkembangan Penting pada Separuh Pertama 2024

Risiko Pasaran 7

Risiko Kredit 10

Rencana: Menilai Keupayaan Isi Rumah Membayar Hutang daripada Perspektif Selain DSR *20*

Risiko Operasi 24

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

Sektor Perbankan 29

Sektor Insurans dan Takaful 36

Rencana: Perniagaan Insurans Hayat Sertaan di Malaysia *39*

Tambahan

Sorotan Penting

Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Pertama Tahun 2024

Pasaran kewangan domestik kekal berdaya tahan meskipun volatiliti pasaran global meningkat

Tekanan pasaran reda selepas penjualan sementara ekuiti global pada bulan Ogos

Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)

Tahap tekanan, % (Minimum=0, Maksimum=100)



Keadaan pasaran domestik yang teratur terus terpelihara, disokong oleh beberapa faktor utama

- Pasaran modal domestik yang kukuh dan cair
- Penyertaan berterusan oleh pelabur-pelabur institusi domestik
- Sentimen pelabur yang positif
- Risiko pertukaran asing yang terurus serta penampan pertukaran asing yang mencukupi

Kualiti kredit isi rumah dan perniagaan kekal kukuh, disokong oleh keadaan ekonomi dan pasaran pekerja yang menggalakkan

Keupayaan bayaran balik pinjaman oleh isi rumah terus mampan dengan penambahbaikan selanjutnya bagi pinjaman dengan risiko kredit lebih tinggi

- **35%** — **Median Nisbah Khidmat Hutang Terkumpul (DSR)** *(Dis. 2023: 35%)*
- **1.4x** — **Median Nisbah Hutang kepada Pendapatan** *(Dis. 2023: 1.4x)*
- **4.4%** — **Nisbah Pinjaman Tahap 2** *(Dis. 2023: 4.8%)*
- **2.0%** — **Bahagian Pinjaman RA[1] kepada Jumlah Pinjaman Isi Rumah** *(Dis. 2023: 2.2%)*

Perniagaan terus menunjukkan daya tahan

- **6.2x** — **Nisbah Perlindungan Faedah** *(Dis. 2023: 5.8x)*
- **23.4%** — **Bahagian Syarikat yang Berisiko (Keseluruhan Perniagaan)** *(Dis. 2023: 28.4%)*
- **12.3%** — **Nisbah Pinjaman Tahap 2** *(Dis. 2023: 12.4%)*
- **4.7%** — **Bahagian Pinjaman RA[1] PKS kepada Jumlah Pinjaman PKS** *(Dis. 2023: 5.4%)*

Daya tahan isi rumah secara keseluruhan disahkan lagi oleh bahagian yang lebih rendah bagi peminjam yang mempunyai DSR tinggi dan pendapatan boleh guna bersih (NDI) yang rendah

Komposisi Peminjam Terkumpul dalam Kemungkiran[2] dan Kesulitan[3] berdasarkan DSR dan NDI Bulanan Peminjam (%)



[1] Bantuan bayaran balik pinjaman (*repayment assistance*, RA) terdiri daripada program penstrukturan semula atau penjadualan semula (*restructured or rescheduled*, R&R) yang ditawarkan oleh bank-bank dan institusi kewangan pembangunan (IKP) masing-masing kepada isi rumah dan perniagaan, serta Program Pengurusan Hutang (Debt Management Programme, DMP) Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) kepada isi rumah.

[2] Kemungkiran ditakrifkan sebagai akaun pinjaman yang tertunggak selama tiga bulan atau lebih.

[3] Kesulitan ditakrifkan sebagai akaun pinjaman yang gagal dibayar atau mungkir, serta akaun pinjaman di bawah bantuan bayaran balik pinjaman daripada institusi kewangan atau AKPK.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg, Reuters dan S&P Capital IQ

Institusi kewangan kekal pada kedudukan yang baik untuk menyokong keperluan pembiayaan dan perlindungan

Penampan modal dan mudah tunai bank-bank kekal kukuh...

18.4% **Nisbah Jumlah Modal**
(Dis. 2023: 19%)

155.1% **Nisbah Perlindungan Mudah Tunai**
(Dis. 2023: 161%)

115.5% **Nisbah Pendanaan Stabil Bersih**
(Dis. 2023: 118.2%)

...dengan potensi kerugian pinjaman dijangka kekal berada dalam lingkungan penampan yang diperuntukkan

1.6% **Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar**
(Dis. 2023: 1.7%)

124.2% **Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman[4]**
(Dis. 2023: 119.2%)

1.3% **Pulangan atas Aset**
(Dis. 2023: 1.2%)

Kedudukan modal penanggung insurans dan pengendali takaful terus kukuh

RM37.4 bilion **Lebihan Penampan Modal**
(Dis. 2023: RM38.6 bilion)

227% **Nisbah Kecukupan Modal**
(Dis. 2023: 222.2%)

Daya tahan operasi kekal sebagai keutamaan penting bagi institusi kewangan

RM383 juta Penipuan transaksi kewangan berjaya disekat oleh institusi kewangan pada tahun 2023

Usaha seluruh industri untuk mengukuhkan keselamatan perbankan dalam talian

819 kes Kes Risikan Ancaman Siber yang dikongsi melalui FinTIP *(Dis. 2023: 586 kes)*

Menambah baik pengurusan risiko berkaitan dengan penyedia perkhidmatan pihak ketiga (TPSP) serta penumpuan sepenuhnya

Perkongsian maklumat secara proaktif tentang risikan ancaman siber melalui Platform Risikan Ancaman Siber Sektor Kewangan (FinTIP)

Usaha untuk melindungi daya tahan operasi, sistem pembayaran dan penyelesaian

Tindakan penyeliaan atau penguatkuasaan terhadap institusi kewangan yang gagal mematuhi keperluan Pengurusan Risiko dalam Teknologi (RMiT)

Garis panduan baharu BNM mengenai ujian tekanan IT untuk mengukuhkan daya tahan bank-bank terhadap gangguan IT dan serangan siber

Meningkatkan kerjasama dan pemantauan serantau untuk memastikan keselamatan jalinan pembayaran rentas sempadan

Proses pemindahan transaksi pembayaran RENTAS untuk seluruh industri kepada ISO 20022 selesai pada 1 Julai 2024

Memastikan peralihan pemindahan transaksi pembayaran rentas sempadan kepada ISO 20022 (mesej pembayaran utama) menjelang 30 Jun 2025

[4] Termasuk rizab pengawalseliaan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Tinjauan Keseluruhan

Tinjauan Keseluruhan

Pasaran kewangan global terus mengalami volatiliti yang ketara sepanjang suku kedua dan ketiga tahun 2024 susulan jangkaan pelabur yang berubah-ubah apabila bank-bank pusat utama mula melonggarkan dasar monetari. Volatiliti pasaran kewangan berada pada tahap tertinggi pada awal bulan Ogos berikutan kebimbangan terhadap kemerosotan ekonomi (*hard landing*). Kebimbangan ini tercetus susulan penerbitan data pasaran pekerja di Amerika Syarikat (AS) yang lebih lemah daripada jangkaan. Jangkaan pelabur terhadap pengurangan kadar dasar yang lebih awal dan lebih besar oleh Federal Reserve Board AS kemudiannya meningkatkan lagi kecenderungan pelabur terhadap aset pasaran sedang pesat membangun, termasuk Malaysia. Pasaran kewangan domestik kekal teratur dengan pengantaraan aliran dua hala yang lancar dalam pasaran bon dan pasaran ekuiti. Keadaan pendanaan kekal menggalakkan, disokong oleh mudah tunai yang kukuh dalam pasaran bon kerajaan dan spread kredit bon korporat yang stabil. Dalam pasaran pertukaran asing (*foreign exchange*, FX) domestik, ringgit terus didorong terutamanya oleh perkembangan luaran. Sejak awal tahun, ringgit telah menambah nilai sebanyak 11.4% berbanding dolar AS.[1] Prospek ekonomi yang positif dan pembaharuan struktur dalam negeri, disertai dengan pelaksanaan inisiatif bagi menggalakkan aliran pertukaran asing, akan terus memberikan sokongan yang berterusan kepada ringgit.

Aktiviti perniagaan meningkat pada separuh pertama tahun 2024 sejajar dengan pemulihan dalam keadaan ekonomi global dan dalam negeri. Sesetengah sektor perniagaan terus berdepan dengan cabaran yang berpunca daripada tekanan kos yang berlarutan serta permintaan pengguna dalam beberapa subsegmen produk yang pulih dengan lebih perlahan. Sektor perniagaan pada amnya terus berdaya tahan untuk menghadapi cabaran ini. Ukuran keupayaan membayar balik hutang perniagaan secara keseluruhan kekal kukuh, manakala bahagian keseluruhan syarikat yang berisiko juga terus berkurang kepada 23.4%. Kualiti kredit keseluruhan pinjaman perniagaan kekal kukuh dengan nisbah pinjaman terjejas kekal rendah pada 2.6%. Bank-bank terus berwaspada terhadap prestasi pinjaman perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan terus mengekalkan penampan berhemat terhadap kemungkinan berlaku kerugian. Setakat ini, risiko terus dikawal dengan baik. Bahagian PKS yang gagal membayar balik pinjaman telah menurun. PKS yang telah menamatkan program bantuan bayaran balik pinjaman juga mampu mengekalkan pembayaran balik pinjaman tepat pada masanya. Pada masa hadapan, daya tahan keseluruhan sektor perniagaan dijangka terus bertambah baik pada separuh kedua tahun ini berikutan kegiatan ekonomi yang terus berkembang.

Daya tahan isi rumah terus disokong oleh keadaan ekonomi dan pasaran pekerja yang menggalakkan. Nisbah hutang isi rumah kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berada pada 83.8%, yang secara amnya tidak berubah sejak bulan Disember 2023 berikutan perkembangan hutang isi rumah yang sejajar dengan kadar kegiatan ekonomi. Risiko daripada skim beli sekarang bayar kemudian (*buy now pay later*, BNPL) terus terhad, dengan dedahan terkumpul kekal kecil iaitu hanya melebihi 0.1% daripada keseluruhan hutang isi rumah. Tambahan lagi, standard pinjaman berhemat oleh bank-bank terus memainkan peranan penting bagi memastikan pengumpulan hutang isi rumah adalah terkawal dan selaras dengan keupayaan membayar balik hutang. Dalam tempoh tersebut, aset kewangan isi rumah berkembang pada kadar yang lebih pantas dan kekal mencukupi untuk menampung lebih dua kali daripada keseluruhan hutang isi rumah. Pinjaman isi rumah yang mungkin berisiko lebih tinggi untuk mungkir menurun kepada 4.4% daripada jumlah pinjaman isi rumah (Disember 2023: 4.8%). Keadaan ekonomi dan pasaran pekerja yang menggalakkan serta standard pemberian pinjaman yang kukuh akan terus menyokong daya tahan isi rumah pada masa hadapan.

[1] Data setakat 30 September 2024.

Sistem perbankan kekal kukuh dan berada pada kedudukan yang baik untuk menangani kejutan dan menyokong pengantaraan kewangan. Permodalan institusi perbankan terus kukuh, dengan nisbah jumlah modal agregat pada 18.4% dan lebihan penampan modal sebanyak RM136.1 bilion pada akhir bulan Jun 2024. Kedudukan pendanaan dan mudah tunai juga kekal teguh seperti yang ditunjukkan oleh Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (155.1%) dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (115.5%) yang kukuh. Keuntungan bank-bank terus disokong oleh pendapatan faedah yang berterusan berikutan pertumbuhan pinjaman yang lebih kukuh serta pendapatan dagangan dan pelaburan yang lebih tinggi. Kecekapan operasi yang bertambah baik telah meningkatkan lagi keuntungan dan membantu mengurangkan kesan tekanan pada margin faedah bersih serta menyokong pelaburan besar yang dilaksanakan oleh bank-bank bagi memperkukuh daya tahan teknologi dan siber. Meskipun kualiti aset kekal mantap, bank-bank terus berhati-hati untuk melepaskan penampan peruntukan yang dikumpulkan semasa pandemik. Hal ini telah mengekalkan kos kredit tahunan secara amnya stabil sekitar purata yang pernah dicatatkan sebelum pandemik. Ujian tekanan yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) mengesahkan bahawa institusi perbankan terus berdaya tahan di bawah senario tekanan buruk dan berupaya untuk terus memenuhi keperluan pembiayaan ekonomi.

Sektor insurans dan takaful juga mengekalkan daya tahannya dengan nisbah kecukupan modal agregat sebanyak 227% dan lebihan penampan modal sebanyak RM37.4 bilion. Keuntungan bertambah baik disebabkan oleh keuntungan tidak direalisasikan bersih yang lebih tinggi daripada prestasi pasaran ekuiti yang kukuh dan pendapatan pelaburan yang berterusan. Pertumbuhan premium perniagaan baharu memberikan sokongan selanjutnya. Walau bagaimanapun, pembayaran manfaat perubatan yang kekal tinggi terus mempengaruhi prestasi pengunderaitan dalam segmen insurans hayat dan takaful keluarga. Keuntungan operasi insurans dan takaful am secara umumnya mampan walaupun peruntukan tuntutan motor adalah lebih tinggi. Hal ini sejajar dengan pertumbuhan perniagaan yang kukuh. Meskipun begitu, dedahan terhadap kejadian iklim boleh menyebabkan peningkatan volatiliti dalam prestasi penanggung insurans dan pengendali takaful am pada masa hadapan.

Risiko berkaitan teknologi dan siber akan terus menjadi cabaran pada pengurusan risiko operasi dalam sistem kewangan. Usaha berterusan oleh institusi kewangan, termasuk penyedia perkhidmatan pembayaran, untuk memperkukuh pertahanan teknologi dan siber mereka serta memantapkan kawalan terhadap penipuan, kekal penting untuk menyokong daya tahan operasi sistem kewangan. Meskipun kerugian kewangan daripada risiko operasi yang dilaporkan oleh institusi kewangan kekal rendah, gangguan sederhana terhadap perkhidmatan perbankan dalam talian memerlukan langkah-langkah yang lebih kukuh diambil untuk memastikan pelan tindak balas insiden yang lebih teguh dan pemantauan yang lebih teliti terhadap risiko yang timbul daripada kebergantungan yang semakin meningkat terhadap penyedia perkhidmatan pihak ketiga. BNM terus meningkatkan standard yang dikehendaki daripada institusi kewangan sebagai tindak balas terhadap ancaman baharu dan ancaman yang baru muncul. Hal ini termasuk meningkatkan jangkaan terhadap pengurusan risiko pihak ketiga, langkah pencegahan penipuan dan ujian tekanan teknologi maklumat (*information technology*, IT).

Perkembangan Penting pada Separuh Kedua 2024

Risiko Pasaran 7

Risiko Kredit 10

Rencana: Menilai Keupayaan Isi Rumah Membayar Hutang daripada Perspektif Selain DSR *20*

Risiko Operasi 24

Perkembangan Penting pada Separuh Pertama 2024

RISIKO PASARAN

Pasaran kewangan domestik kekal teratur dan berdaya tahan

Sepanjang tahun ini, sebilangan besar bank pusat utama mula melonggarkan dasar monetari apabila inflasi terus menurun, dengan pelonggaran terbaharu dibuat oleh Federal Reserve Board (Fed) di Amerika Syarikat (AS). Pasaran kewangan global terus mengalami volatiliti yang ketara sepanjang suku kedua dan ketiga tahun 2024. Keadaan ini mencapai tahap tertinggi pada awal bulan Ogos berikutan kebimbangan terhadap kemerosotan ekonomi (*hard landing*). Hal ini dicetuskan oleh penerbitan data pasaran pekerja AS[1] yang lebih lemah daripada jangkaan. Sejak itu, jangkaan pelabur terhadap pemotongan kadar dasar yang lebih awal dan ketara oleh Fed[2] telah meningkatkan kecenderungan pelabur terhadap aset pasaran sedang pesat membangun, termasuk Malaysia. Namun demikian, ketidaktentuan masih kekal kerana pelabur tetap berwaspada menjelang pilihan raya presiden AS dan risiko geopolitik yang berterusan.

Pasaran kewangan domestik terus kekal teratur. Tekanan pasaran domestik secara keseluruhan, seperti yang diukur oleh Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Financial Market Stress Index, FMSI), meningkat seketika pada awal bulan Ogos disebabkan oleh penjualan sementara ekuiti global berikutan kebimbangan terhadap kemelesetan ekonomi AS, namun keadaan telah kembali stabil di bawah 10% (Rajah 1.1). Sepanjang tempoh itu,[3] volatiliti pasaran didorong terutamanya oleh pasaran pertukaran asing (*foreign exchange*, FX) dalam keadaan ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS berikutan kecenderungan pelabur terhadap aset Malaysia bertambah baik. Risiko penentuan harga aset kewangan yang tidak tepat daripada persekitaran kadar faedah yang lebih tinggi untuk jangka masa yang lebih lama telah menurun sedikit. Hal ini berikutan isyarat yang lebih jelas daripada bank-bank pusat utama berhubung dengan hala tuju pelonggaran dasar monetari yang ketat serta keadaan ekonomi yang lebih kukuh daripada jangkaan yang menyokong prospek positif bagi ekonomi dalam negeri.

Rajah 1.1: Pasaran Kewangan – Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)



Sumber: Bloomberg, Reuters dan anggaran Bank Negara Malaysia

Pasaran ekuiti domestik mencatatkan pemulihan yang kukuh sejak awal tahun ini, dengan tanda aras FBM KLCI meningkat sebanyak 7.6% sejak Tinjauan Kestabilan Kewangan terakhir pada bulan Mac. Pemulihan ini disokong oleh aliran masuk bersih pelabur bukan pemastautin sebanyak RM4.3 bilion sejak awal tahun sehingga kini, mencerminkan sentimen pelabur yang positif terhadap prospek pertumbuhan dalam negeri (Rajah 1.2). Sektor pembinaan, utiliti dan hartanah mendapat manfaat yang ketara daripada pelaburan dalam pusat data dan pelaksanaan berterusan projek infrastruktur mega serta pelan-pelan induk nasional. Saham kewangan juga bertambah baik didorong oleh pendapatan yang berterusan. Pelabur institusi domestik (*domestic institutional investors*, DII)[4] terus memberikan sokongan mantap kepada ekuiti domestik dengan pembelian bersih ekuiti berjumlah RM3 bilion antara bulan Mac hingga September 2024 (Mac- 20 September 2023: RM2.3 bilion, purata tahunan 2015–19: RM8.2 bilion).

[1] Pemansuhan dagangan *carry trade* yen Jepun yang berterusan sejak akhir bulan Julai dalam keadaan pengukuhan yen Jepun telah meningkatkan lagi volatiliti pasaran. *Carry trade* ialah strategi pelaburan yang melibatkan pelabur meminjam dalam mata wang yang mempunyai kadar faedah rendah dan kemudiannya menggunakannya untuk membeli mata wang yang mempunyai kadar faedah yang lebih tinggi bagi mendapatkan keuntungan daripada perbezaan kadar faedah. Strategi ini lazimnya dibuat dengan pandangan bahawa mata wang yang mendanai akan terus menurun nilai.

[2] Susulan penurunan 50 mata asas oleh Fed pada 18 September 2024, peserta pasaran menjangkakan penurunan sebanyak 75 mata asas lagi untuk baki tahun ini, lebih tinggi daripada unjuran median pegawai-pegawai Fed iaitu penurunan sebanyak 50 mata asas.

[3] Semua data dan penilaian bahagian Risiko Pasaran adalah setakat 20 September 2024, kecuali dinyatakan sebaliknya.

[4] Pelabur institusi domestik termasuk bank-bank, institusi kewangan bukan bank (IKBB) serta penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO).

Rajah 1.2: Pasaran Kewangan – Aliran Ekuiti Bukan Pemastautin Kumulatif dan Prestasi Pasaran Ekuiti Domestik



Sumber: Bloomberg

Rajah 1.3: Pasaran Kewangan – Aliran Bon Kerajaan Bukan Pemastautin Kumulatif dan Prestasi Pasaran Bon Kerajaan Domestik



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Aliran pelabur bukan pemastautin dalam pasaran bon kerajaan terus dipengaruhi sebahagian besarnya oleh faktor luaran

Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 10 tahun mencapai tahap tertinggi pada bulan April sebelum menunjukkan trend menurun, sejajar dengan penurunan meluas dalam pasaran bon global. Kadar hasil MGS 10 tahun didagangkan pada 3.71%, secara amnya kekal tidak berubah berbanding paras pada awal tahun. Pelabur bukan pemastautin mencatatkan aliran masuk ke dalam bon kerajaan berjumlah RM20.6 bilion dari bulan Mac hingga September 2024 (antara September 2023 hingga Februari 2024: -RM2.7 bilion). Hal ini mencerminkan jangkaan pelabur terhadap pulangan relatif bon pasaran sedang pesat membangun yang lebih baik berikutan jangkaan kadar hasil US Treasury yang lebih rendah (Rajah 1.3). Dalam tempoh ini, perbezaan kadar hasil antara MGS 10 tahun dengan US Treasuries (UST) 10 tahun mengecil kepada -4 mata asas (akhir Februari 2024: -38.6 mata asas). Yang penting, bahagian pegangan bon oleh pelabur bukan pemastautin yang biasanya dianggap lebih stabil secara amnya kekal tidak berubah. Keadaan ini akan terus mengurangkan volatiliti yang berlebihan dalam keadaan pasaran. Mudah tunai pasaran kekal utuh dengan permintaan berterusan untuk bon kerajaan dalam pasaran utama seperti yang ditunjukkan oleh purata berwajaran nisbah bida kepada perlindungan (*bid-to-cover ratio*) yang kukuh sebanyak 2.4 kali. Kedudukan ini disokong lagi oleh penyertaan DII yang aktif dalam pasaran utama dan sekunder.

Keadaan pendanaan dalam pasaran bon korporat kekal kukuh. Kadar hasil bon korporat bertaraf AAA 10 tahun menurun sebanyak 19 mata asas antara bulan Januari hingga September. Hal ini membolehkan syarikat korporat terus memanfaatkan pasaran bon untuk pembiayaan pada kadar yang lebih baik. Jumlah terbitan kasar adalah sebanyak RM56.9 bilion antara bulan Mac hingga Julai 2024 (Mac-Julai 2023: RM56.8 bilion), sebahagian besarnya dalam bentuk kertas yang dijamin kerajaan (*government-guaranteed*, GG) dan bertaraf AAA. Secara keseluruhan, kualiti kredit pasaran bon korporat terkumpul kekal tinggi, dengan kertas GG dan bertaraf AAA mencakupi lebih separuh daripada saiz kredit terkumpul.

Pergerakan ringgit kekal didorong sebahagian besarnya oleh perkembangan global, termasuk perubahan jangkaan mengenai masa dan magnitud pengurangan Federal Funds Rate (FFR) AS serta isu geopolitik yang terus mendorong kekukuhan dolar AS. Antara bulan Januari hingga akhir September, nilai ringgit mengukuh sebanyak 11.41% berbanding dengan dolar AS kepada 4.1235. Keadaan ini sebahagian besarnya didorong oleh trajektori pengurangan FFR AS yang lebih jelas. Peningkatan kukuh prestasi ekonomi dalam negeri dan impak positif daripada pelaksanaan pembaharuan struktur dalam negeri, seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu (New Industrial Master Plan, NIMP) dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (National Energy Transition Roadmap, NETR) turut memberi sokongan terhadap ringgit. Meskipun volatiliti ringgit telah meningkat kepada 6.44%[5] susulan penambahan nilainya yang kukuh, keadaan kekal terkawal dan terus

[5] Volatiliti tersirat berdasarkan opsyen 1 bulan USDMYR pada harga semasa (*at-the-money*) setakat 30 September 2024.

menghampiri purata 10 tahun sebanyak 5.76%. Jumlah perolehan FX juga bertambah baik, mencerminkan aliran yang lebih seimbang dengan purata jumlah harian sejak awal tahun sehingga kini meningkat kepada USD17.5 bilion (purata harian tahun 2023: USD15.5 bilion).

Keadaan pasaran kewangan global untuk baki tahun ini kekal terdedah kepada ketidaktentuan yang berterusan berhubung dengan kadar pelonggaran dasar monetari Fed serta momentum pertumbuhan ekonomi utama yang lebih perlahan. Situasi geopolitik dan perdagangan yang semakin tegang serta timbulnya risiko yang berpunca daripada kelemahan khusus sesebuah negara boleh mengakibatkan semula volatiliti yang ketara dalam pasaran kewangan global dan domestik. Walau bagaimanapun, kedudukan Malaysia yang mempunyai sistem perbankan yang kukuh, pasaran kewangan yang mendalam dan kumpulan pelabur yang pelbagai akan terus menyokong keadaan pasaran domestik yang teratur.

RISIKO KREDIT

Aktiviti perniagaan meningkat, disokong oleh pemulihan dalam keadaan ekonomi

Aktiviti perniagaan meningkat pada separuh pertama tahun 2024, disokong oleh pemulihan dalam eksport serta keadaan permintaan dalam negeri yang kukuh. Syarikat berorientasikan eksport memperoleh manfaat daripada pemulihan dalam permintaan luaran dan peningkatan kitaran teknologi global. Peningkatan berterusan dalam perbelanjaan pelancong menambah baik pendapatan bagi syarikat dalam subsektor hotel dan restoran. Pendapatan bagi syarikat dalam sektor berkaitan komoditi dan utiliti juga lebih kukuh berikutan peningkatan pengeluaran, pelarasan tarif[6] dan keadaan kos yang semakin stabil. Margin operasi bagi kebanyakan syarikat terus pulih dan melebihi paras sebelum pandemik meskipun terdapat tekanan kos yang berterusan. Keadaan perniagaan yang bertambah baik ini terus menyokong keupayaan perniagaan untuk membayar balik hutang, seperti yang diukur oleh median nisbah perlindungan faedah[7] (*interest coverage ratio,* ICR) sebanyak 6.2 kali (Rajah 1.4).

Syarikat-syarikat terus menghadapi tekanan kos am yang telah mengehadkan peningkatan pendapatan secara keseluruhan. Tekanan ini termasuk kos logistik dan pematuhan yang lebih tinggi berikutan ketegangan geopolitik semasa, rasionalisasi subsidi diesel dan pelaksanaan e-invois.[8] Walau bagaimanapun, hal ini sebahagiannya diimbangi oleh langkah-langkah mitigasi seperti ketersediaan kad flit (*fleet card*) diesel untuk segmen perniagaan penting. Hasilnya, kos input agregat, seperti yang diukur oleh median nisbah kos barang yang dijual,[9] menurun sedikit bagi keseluruhan perniagaan kepada 76.3% (Disember 2023: 76.7%; purata 2015–19: 75.9%).

Rajah 1.4: Sektor Perniagaan – Penunjuk Prestasi Kewangan Utama



a Awalan

Nota: Paras ambang kehematan bagi nisbah perlindungan faedah dan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek masing-masing adalah dua kali dan satu kali.

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

Prestasi perniagaan juga kekal sedikit tidak seimbang merentas segmen. Syarikat dalam beberapa segmen masih menghadapi prospek pendapatan yang lebih lemah. Perniagaan dalam sektor borong dan runcit serta sektor perkilangan berkaitan sumber[10] mencatatkan margin keuntungan yang lebih rendah pada separuh pertama tahun 2024. Selain tekanan kos yang terus mempengaruhi margin, permintaan pengguna dalam sesetengah segmen bagi produk bukan keperluan belum lagi pulih ke tahap sebelum pandemik. Syarikat yang lebih kecil dalam sektor pembinaan juga terjejas berikutan kurangnya projek baharu mula dilaksanakan sedangkan projek sedia ada hampir siap. Bahagian syarikat berisiko[11] dalam sektor-sektor ini kekal tinggi berbanding paras sebelum pandemik, walaupun kegiatan ekonomi yang lebih kukuh telah meningkatkan ICR keseluruhan dan menyumbang kepada pengurangan jumlah syarikat berisiko berbanding dengan suku keempat tahun 2023 (Rajah 1.5). Keupayaan untuk membayar balik hutang, termasuk bagi syarikat dalam sektor yang masih menghadapi cabaran, terus disokong oleh penampan tunai yang kukuh dengan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek melebihi paras tertinggi sebelum ini (Rajah 1.6).

6 Pelarasan tarif air bagi pengguna dalam negeri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan berkuat kuasa pada 1 Februari 2024, melibatkan peningkatan purata sebanyak 22 sen bagi setiap meter padu (sumber: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, SPAN).

7 Paras ambang kehematan bagi nisbah perlindungan faedah ialah dua kali.

8 Peringkat pertama pelaksanaan e-invois bermula pada bulan Ogos 2024 dan diwajibkan untuk perniagaan berpendapatan tahunan melebihi RM100 juta.

9 Nisbah kos barang yang dijual (*cost of goods sold,* COGS) dikira dengan mengambil COGS syarikat dibahagikan dengan hasilnya. Nisbah yang lebih tinggi menunjukkan bahawa COGS membentuk bahagian hasil yang lebih besar.

10 Subsektor perkilangan berkaitan sumber termasuk perkilangan perabot, kayu, kertas, produk getah dan plastik.

11 Syarikat berisiko merujuk syarikat yang mempunyai nisbah perlindungan faedah di bawah nilai ambang berhemat iaitu sebanyak dua kali.

Rajah 1.5: Sektor Perniagaan – Syarikat yang Berisiko bagi Sektor Terpilih



a Awalan

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 1.6: Sektor Perniagaan – Nisbah Tunai kepada Hutang Jangka Pendek bagi Sektor Terpilih



a Awalan

Sumber: S&P Capital IQ dan anggaran Bank Negara Malaysia

Kualiti kredit pinjaman perniagaan secara amnya terus kukuh. Nisbah pinjaman perniagaan terjejas keseluruhan kekal stabil pada 2.6% daripada jumlah pinjaman perniagaan (Rajah 1.7). Penunjuk utama bagi pinjaman dengan peningkatan ketara dalam risiko kredit (pinjaman Tahap 2) juga stabil (Jun 2024: 12.3% daripada pinjaman perniagaan; Disember 2024: 12.4%). Bahagian perniagaan kecil dan sederhana (PKS) yang gagal membayar pinjaman[12] terus menurun kepada 1.7% daripada jumlah pinjaman PKS (Disember 2023: 2%). Selaras dengan keadaan ini, pinjaman PKS di bawah bantuan bayaran balik pinjaman terus menurun kepada 4.7% daripada jumlah pinjaman PKS (Disember 2023: 5.4%), atau 0.8% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Bank-bank kekal proaktif dalam mengenal pasti dan menawarkan penjadualan semula dan penstrukturan semula (*rescheduling and restructuring*, R&R) kepada peminjam yang menghadapi kesulitan kewangan sementara, serta telah meningkatkan lagi kerjasama dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk merujuk peminjam yang mengalami tekanan kewangan dan mempunyai pinjaman dengan pelbagai bank kepada AKPK. Hal ini sebahagiannya menjelaskan peningkatan ketara dalam jumlah pinjaman PKS yang didaftarkan dalam skim bantuan bayaran balik pinjaman (*repayment assistance scheme*, RAS) AKPK untuk perniagaan kecil, walaupun bahagian hutang yang diuruskan di bawah skim tersebut kekal sangat rendah iaitu hanya 0.4% daripada jumlah pinjaman PKS (Rajah 1.8). Peningkatan permohonan RAS juga disebabkan oleh program jangkauan AKPK yang dipertingkatkan pada tahun ini yang membantu meningkatkan kesedaran dalam kalangan PKS mengenai saluran yang tersedia untuk mereka bagi mendapatkan bantuan dalam menguruskan hutang. Sebahagian besar PKS yang telah keluar daripada bantuan bayaran balik pinjaman telah berjaya menyambung semula dan mengekalkan bayaran balik pinjaman mereka tepat pada masanya. Pendaftaran R&R baharu oleh bank-bank dan IKP juga kekal rendah pada 0.2% daripada jumlah pinjaman PKS.

Rajah 1.7: Sektor Perniagaan – Pinjaman Terjejas Kasar



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.8: Sektor Perniagaan – Permohonan Bantuan Bayaran Balik AKPK oleh PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

[12] Merujuk pinjaman dengan tunggakan satu atau dua bulan, atau lewat dibayar antara 30 hingga 90 hari.

Kualiti kredit peminjaman oleh syarikat korporat yang lebih besar kekal stabil berikutan pertumbuhan ekonomi yang kukuh. Median ICR bagi 50 peratus teratas syarikat tersenarai (mengikut saiz aset) berada pada kedudukan jauh melebihi paras ambang kehematan, iaitu sebanyak 6.2 kali (Disember 2023: 5.8 kali). Kualiti penerbit bon korporat juga kekal kukuh, dengan hanya beberapa penerbit (sebanyak lima berbanding dengan tujuh penerbit pada tahun 2023), atau 0.8% daripada jumlah bon korporat domestik terkumpul yang diturunkan gred pada separuh pertama tahun 2024.

Pinjaman luar negeri syarikat korporat meningkat pada separuh pertama tahun 2024, didorong terutamanya oleh kredit perdagangan dan pinjaman antara syarikat untuk membiayai operasi yang sedia ada dan pengembangan perniagaan. Risiko yang timbul daripada dedahan ini kekal terurus kerana sifat kredit perdagangan yang cair sendiri (*self-liquidating*) dan syarat pinjaman antara syarikat yang lebih fleksibel. Sementara itu, sebahagian besar risiko mata wang daripada hutang luar negeri syarikat korporat bukan kewangan kekal terkawal meskipun wujud volatiliti yang lebih tinggi berkaitan dengan pergerakan ringgit yang dicatatkan pada separuh tahun yang pertama. Hampir 80% daripada dedahan luaran[13] syarikat korporat pemastautin besar dilindung nilai secara semula jadi atau secara kewangan. Dedahan luaran syarikat korporat juga kekal dilindungi secara mencukupi oleh aset, dengan perlindungan nisbah aset luar negeri kepada hutang sebanyak 1.1 kali.

Keadaan pembiayaan terus menyokong kegiatan ekonomi dengan perniagaan termasuk syarikat korporat besar terus menggunakan gabungan sumber pendanaan yang kukuh antara pinjaman dengan bon (Rajah 1.9). Pinjaman perniagaan meningkat sebanyak 5.7% (Disember 2023: 3.7%), didorong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam pinjaman berkaitan pelaburan dan pinjaman modal kerja. Lebih 50% daripada pembiayaan baharu kepada perniagaan oleh bank pada separuh pertama tahun ini turut disalurkan ke dalam aktiviti yang menyokong iklim dan aktiviti peralihan. Institusi perbankan terus memainkan peranan penting dalam menyokong pembiayaan perniagaan untuk beralih kepada amalan yang lebih hijau dan lestari. Di samping itu, aktiviti dalam pasaran bon korporat kekal mantap dengan terbitan yang meluas merentas sektor oleh syarikat yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi. Hal ini disokong oleh kos pemerolehan dana yang menggalakkan, dengan spread kadar hasil bon korporat (berbanding MGS) kekal stabil dan rendah berbanding purata sebelum pandemik.

Pada masa hadapan, daya tahan perniagaan dijangka meningkat lagi pada separuh kedua tahun ini berikutan pengembangan kegiatan ekonomi yang berterusan. Tekanan kos dijangka berkurang selaras dengan harga komoditi yang lebih rendah dan penambahan nilai ringgit. Langkah-langkah Kerajaan[14] untuk mengurangkan kesan kos perniagaan yang lebih tinggi berikutan pelaksanaan rasionalisasi subsidi bahan api bersasar akan terus membendung tekanan kos. Risiko berkurangnya daya tahan perniagaan akan terus berpunca terutamanya daripada kejutan luaran, termasuk keadaan pertumbuhan global yang lebih lemah daripada jangkaan, konflik geopolitik dan volatiliti pasaran kewangan yang boleh menyebabkan harga input lebih tinggi dan menjejaskan pertumbuhan pendapatan.

Rajah 1.9: Sektor Perniagaan – Komposisi Hutang Mengikut Jenis



Sumber: Bank Negara Malaysia

[13] Dedahan luaran korporat merangkumi pinjaman daripada entiti tidak berkaitan, bon dan nota sahaja (tidak termasuk hutang luar negeri berisiko rendah seperti pinjaman antara syarikat yang lazimnya lebih fleksibel dan kredit perdagangan yang disokong oleh pendapatan eksport).

[14] Langkah-langkah ini termasuk ketersediaan kad flit di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi 2.0 (SKDS 2.0) untuk kenderaan logistik yang diluluskan.

Perkembangan dalam Pasaran Harta Bukan Kediaman

Pasaran harta tanah komersial (*commercial real estate*, CRE) kembali menarik perhatian pada peringkat global sepanjang tahun lalu apabila keadaan pasaran yang lemah di beberapa negara menyebabkan kebimbangan yang semakin meningkat terhadap kualiti dedahan CRE bank-bank. Apabila ekonomi beralih kepada persekitaran kadar faedah yang lebih tinggi, banyak peminjam yang membuat pinjaman CRE semasa tempoh kadar faedah yang sangat rendah sebelum ini telah menghadapi kesukaran untuk menghadapi kos peminjaman yang lebih tinggi. Isu ini berleluasa terutamanya dalam segmen ruang pejabat dan ruang niaga apabila pendapatan sewaan tidak dapat menampung bayaran balik pinjaman yang kini lebih tinggi, lantas mencetuskan kebimbangan berlakunya kemungkiran pembayaran secara meluas. Segmen-segmen ini juga terus terjejas oleh trend bekerja jarak jauh dan petukaran corak perbelanjaan selepas pandemik yang mempengaruhi permintaan untuk ruang pejabat dan ruang niaga komersial. Kerugian yang dialami daripada pinjaman CRE telah meningkatkan kebimbangan terhadap kekukuhan bank yang mempunyai dedahan yang besar kepada CRE, serta kesan limpahan yang lebih meluas daripada keadaan kredit yang lebih ketat dan pembetulan mendadak dalam harga harta tanah komersial.

Di Malaysia, kelemahan sedia ada dalam sektor harta bukan kediaman (*non-residential property*, NRP)[15] terus menjadi tumpuan dalam pengawasan risiko kestabilan kewangan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Sebahagian besar (51%) daripada dedahan NRP bank-bank di Malaysia adalah dalam bentuk pembiayaan akhir untuk pembelian NRP. Setakat akhir bulan Jun 2024, dedahan pembiayaan akhir langsung kepada NRP mencakupi 11.9% daripada jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan (Rajah 1.10). Daripada jumlah ini, lebih separuh (56%) daripada pembiayaan akhir NRP oleh bank-bank adalah untuk pembelian tanah dan rumah kedai yang risikonya jauh lebih rendah. Berbeza daripada kompleks beli-belah, kebanyakan rumah kedai dibeli oleh isi rumah dan PKS untuk aktiviti perniagaan mereka sendiri dan sebagai tempat tinggal. Oleh yang demikian, segmen rumah kedai menunjukkan risiko yang setanding dengan harta kediaman yang diduduki pemilik (Rajah 1.11). Sementara itu, bank-bank lazimnya menggunakan amalan yang sangat konservatif untuk pembelian tanah, dengan median nisbah pinjaman kepada nilai (*loan-to-value*, LTV) terkumpul sebanyak 37% sahaja (pembiayaan NRP keseluruhan: 52%).

Subsegmen ruang pejabat dan kompleks beli-belah (*office space and shopping complex*, OSSC) yang cenderung berisiko lebih tinggi mewakili bahagian yang jauh lebih kecil, iaitu sebanyak 2.6% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan.[16] Tinjauan Kestabilan Kewangan[17] yang lepas telah mengetengahkan risiko daripada lebihan penawaran yang berlarutan dalam subsegmen ini. Keadaan ini mengakibatkan kadar hasil sewaan yang tertekan dan kadar kekosongan yang tinggi yang berlaku sebelum pandemik dan semakin merosot sejak tempoh itu, terutamanya bagi ruang pejabat (Rajah 1.12). Kesannya, nisbah pinjaman terjejas bagi dedahan kepada subsegmen OSSC (Jun 2024: 2.1%) secara konsisten lebih tinggi daripada segmen NRP secara keseluruhan (Jun 2024: 1.6%).

Rajah 1.10: Pasaran Harta Tanah – Dedahan Sistem Perbankan kepada Harta Tanah bukan Kediaman



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[15] Perbincangan tentang pasaran Malaysia dalam rencana ini menggunakan istilah 'harta bukan kediaman' yang meliputi segmen ruang pejabat & kompleks beli-belah (*office space & shopping complex*, OSSC) dan rumah kedai (yang lazimnya dikelaskan sebagai CRE di Malaysia), selain dedahan bukan kediaman lain seperti bangunan perindustrian dan pembelian tanah.

[16] Kompleks beli-belah sahaja: 1%; ruang pejabat sahaja: 1.6%.

[17] Rujuk bahagian 'Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan – Risiko Kredit' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM Separuh Kedua 2019 untuk butiran lanjut.

Rajah 1.11: Pasaran Harta Tanah – Pinjaman Terjejas mengikut Jenis Pembelian Harta Tanah



* Merujuk pinjaman bagi pembelian bangunan perindustrian, kilang dan tanah.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.12: Pasaran Harta Tanah – Kadar Kekosongan Ruang Pejabat dan Kompleks Beli-Belah



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) dan anggaran Bank Negara Malaysia

Risiko kepada bank-bank daripada dedahan langsung NRP kekal terhad. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, dedahan pembiayaan akhir bank kepada subsegmen OSSC yang berisiko lebih tinggi kekal kecil dan semakin menurun sejak beberapa tahun lepas (Jun 2024: 2.6%; Disember 2019: 3.2%; Disember 2013: 4%). Median nisbah LTV bagi pembiayaan NRP terkumpul juga kekal berhemat pada 52% (subsegmen OSSC sahaja: 59%). Keadaan ini menyediakan penampan yang besar terhadap pembetulan harga yang ketara, walaupun risiko pembetulan ini dijangka semakin berkurang berikutan kegiatan ekonomi dan perniagaan yang terus mengembang. Tambahan pula, hampir semua pembiayaan NRP di Malaysia ialah pinjaman berlunas[18] sepanjang tempoh pembiayaan. Hal ini semakin mengurangkan risiko kepada bank-bank dan peminjam dengan membolehkan pemantauan dan pengurusan hutang yang lebih berkesan sepanjang tempoh pinjaman berbanding dengan pinjaman yang distrukturkan berdasarkan terma bayaran balik secara sekali gus (*bullet repayment*).

Bank-bank juga terdedah kepada risiko daripada dedahan NRP tidak langsung. Hal ini boleh berpunca daripada pinjaman penyambung dan pinjaman modal kerja yang diberikan kepada perniagaan dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan harta tanah terpilih. Dedahan sedemikian kekal sebagai bahagian yang agak kecil (4.3%) daripada jumlah pinjaman sistem perbankan. Sumber risiko tidak langsung yang lebih ketara ialah risiko berkaitan pinjaman untuk tujuan lain (lazimnya modal kerja) yang dicagarkan dengan harta tanah NRP. Dedahan ini mencakupi 7.1% daripada jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan. Prestasi pinjaman ini terus didorong terutamanya oleh keadaan kewangan perniagaan, yang mencerminkan amalan pemberian pinjaman bank-bank yang mengutamakan keupayaan peminjam untuk membayar balik pinjaman daripada aliran tunai perniagaan yang berterusan dan bukannya bergantung pada cagaran asas. Oleh itu, pinjaman ini dilindungi daripada perkembangan negatif dalam sektor NRP selagi aktiviti perniagaan teras peminjam terus menunjukkan prestasi yang baik.

[18] Pinjaman berlunas ialah pinjaman yang memerlukan peminjam membayar balik jumlah pokok dan faedah secara beransur-ansur mengikut jadual bayaran balik pinjaman berkala.

Kualiti pinjaman isi rumah kekal utuh, disokong oleh keadaan ekonomi dan pasaran pekerja yang menggalakkan

Agregat nisbah hutang isi rumah kepada KDNK dan nisbah hutang isi rumah sistem perbankan kepada KDNK masing-masing berada pada 83.8% dan 69.2% (Rajah 1.13). Nisbah ini secara amnya tidak berubah berikutan hutang isi rumah[19] yang terus berkembang selaras dengan kegiatan ekonomi pada separuh pertama tahun 2024 (Rajah 1.14). Pertumbuhan pinjaman perumahan berterusan disebabkan oleh permintaan yang kukuh untuk harta kediaman dan langkah-langkah sokongan Kerajaan yang terus tersedia untuk menggalakkan pemilikan rumah (rujuk Rencana 'Perkembangan dalam Pasaran Harta Kediaman'). Sementara itu, pinjaman kereta berkembang dengan lebih cepat berbanding dengan separuh pertama tahun 2023 berikutan jualan kenderaan penumpang yang meningkat, termasuk model elektrik dan hibrid.

Pembiayaan tidak bercagar oleh isi rumah, yang merangkumi hutang kad kredit dan pembiayaan peribadi, kekal stabil pada 15.2% daripada jumlah hutang isi rumah setakat bulan Jun 2024 (Disember 2023: 15.5%) (Rajah 1.15). Hutang kad kredit terkumpul menurun sedikit tetapi kekal melebihi paras sebelum pandemik. Hal ini seiring dengan penggunaan kad kredit yang lebih tinggi sebagai instrumen pembayaran dan bukannya menunjukkan pengumpulan hutang yang lebih tinggi. Bahagian baki pusingan daripada baki kad kredit terkumpul kekal jauh lebih rendah daripada paras sebelum pandemik (Jun 2024: 48.5%; Disember 2023: 47.9%; purata 2015–19: 60.6%). Transaksi pendahuluan tunai kad kredit juga menunjukkan trend menurun kepada 1.2% daripada jumlah transaksi kad (Disember 2023: 1.3%; purata 2015–19: 2.2%). Meskipun tekanan kos sara hidup terus dihadapi oleh isi rumah berpendapatan rendah, pertumbuhan pembiayaan peribadi kekal sederhana dalam kebanyakan segmen pendapatan. Hal ini selaras dengan pertumbuhan pendapatan positif yang berterusan dan bahagian yang lebih rendah bagi isi rumah yang melaporkan kesukaran untuk membiayai perbelanjaan bulanan.[20]

[19] Pinjaman yang diberikan oleh institusi perbankan dan institusi kewangan bukan bank.

[20] Berdasarkan Tinjauan Sentimen Pengguna (Consumer Sentiment Survey, CSS) bulanan BNM. Tinjauan ini bertujuan mengukur sentimen ekonomi dan kewangan secara am serta jangkaan isi rumah Malaysia mengenai pelbagai topik seperti kedudukan kewangan isi rumah, perkembangan pasaran pekerja dan kos sara hidup. Tinjauan ini berdasarkan sampel yang mewakili isi rumah merentas semua tahap pendapatan di seluruh negara. Dalam CSS bulan Julai 2024, bahagian isi rumah yang melaporkan kesukaran untuk membiayai perbelanjaan bulanan menurun kepada 40% daripada 43% pada bulan Disember 2023.

Rajah 1.13: Sektor Isi Rumah – Nisbah Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Rajah 1.14: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Hutang Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.15: Sektor Isi Rumah – Komposisi Hutang Mengikut Tujuan



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sepanjang tahun lalu, skim beli sekarang bayar kemudian (*buy now pay later*, BNPL) terus mendapat sambutan. Setakat akhir bulan Jun 2024, pengguna aktif skim BNPL telah meningkat kepada 4.3 juta, iaitu peningkatan sebanyak 27.6% berbanding akhir bulan Disember 2023. Golongan dewasa muda dan pertengahan umur membentuk lebih 90% daripada kumpulan pengguna aktif. Dengan tahap pemahaman yang lebih meluas, permintaan terhadap skim BNPL dijangka terus meningkat. Walau bagaimanapun, risiko terhadap kestabilan kewangan pada masa ini dinilai sebagai terhad berikutan had kredit yang rendah menyebabkan kebanyakan transaksi bernilai rendah,[21] tempoh pembiayaan yang pendek (lazimnya antara satu hingga tiga bulan), jangkaan[22] yang dikenakan kepada penyedia untuk menjalankan penilaian kemampuan bagi transaksi yang berisiko lebih tinggi, serta langkah-langkah berhemat[23] yang diambil oleh penyedia untuk mengelakkan beban hutang yang berlebihan apabila berlakunya kesukaran membayar balik pinjaman. Selaras dengan hal ini, dedahan BNPL terkumpul sebagai bahagian daripada keseluruhan hutang isi rumah kekal kecil, hanya sedikit melebihi 0.1% setakat bulan Jun 2024. Bahagian pembiayaan BNPL yang tertunggak[24] juga rendah dan menunjukkan penurunan, iaitu sebanyak 2.6% daripada jumlah dedahan (Disember 2023: 3.4%).

Secara agregat, kedudukan kewangan isi rumah kekal kukuh. Aset kewangan isi rumah terus melebihi hutang isi rumah sebanyak 2.1 kali. Sepanjang tempoh tersebut, aset kewangan isi rumah berkembang pada kadar yang lebih pantas (8.6%; Disember 2023: 5.8%; purata 2015–19: 6.1%) (Rajah 1.16), didorong terutamanya oleh (i) baki Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan deposit yang lebih tinggi berikutan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan dan (ii) penilaian yang lebih tinggi bagi pemegangan ekuiti domestik selaras dengan prestasi pasaran Bursa Malaysia yang kukuh. Pengenalan Akaun Fleksibel di bawah inisiatif penstrukturan semula akaun KWSP akan terus menyumbang kepada daya tahan isi rumah.[25] Inisiatif ini bertujuan untuk memperkukuh keselamatan pendapatan persaraan dengan meningkatkan peruntukan pendapatan yang dikhususkan untuk simpanan persaraan, dan pada masa yang sama memberikan lebih fleksibiliti kepada ahli untuk mengakses sebahagian daripada simpanan mereka tanpa sekatan bagi memenuhi keperluan kewangan yang lebih mendesak. Setakat bulan Julai 2024, Akaun Persaraan isi rumah diperkukuh dengan tambahan sebanyak RM5.6 bilion, manakala RM12.6 bilion telah ditempatkan dalam Akaun Fleksibel yang boleh dikeluarkan oleh isi rumah apabila perlu susulan kebenaran pindahan sekali sahaja yang dilaksanakan oleh ahli. Peningkatan dalam simpanan persaraan isi rumah menyebabkan penambahan sebanyak 43,000 ahli yang mencapai Simpanan Asas.[26]

Rajah 1.16: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Tahunan Aset Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Standard pinjaman berhemat oleh bank-bank terus memainkan peranan penting dalam memastikan pengumpulan hutang isi rumah terkawal dan selaras dengan keupayaan membayar balik hutang. Pengembangan hutang terus mengikuti rapat tahap pendapatan, lantas menyebabkan median nisbah hutang kepada pendapatan (*debt-to-income*, DTI) yang agak stabil dalam kalangan isi rumah (Rajah 1.17). Peminjam berpendapatan tinggi (berpendapatan lebih RM5,000 sebulan) kekal sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan hutang isi rumah, mencakupi 72.1% daripada hutang isi rumah terkumpul (Rajah 1.18). Nisbah khidmat hutang (*debt service ratio*, DSR) bagi pinjaman isi rumah yang baru diluluskan dan yang terkumpul terus berada pada paras hemat, masing-masing pada 41% dan 35% (Disember 2023: 41% dan 35%), menyediakan penampan yang mencukupi untuk isi rumah memenuhi obligasi pinjaman masing-masing. Mencerminkan keadaan pendapatan yang lebih baik, bahagian peminjam dengan DSR tinggi (melebihi 60%)

[21] Sebanyak 80% pengguna aktif BNPL mempunyai had kredit sebanyak RM3,000 ke bawah, manakala nilai transaksi purata adalah sebanyak RM75 pada separuh pertama tahun 2024.

[22] Penyedia menggunakan nilai ambang kemampuan (*affordability threshold*, AT), yang merujuk nilai maksimum yang dibenarkan sebelum penilaian kemampuan perlu dilaksanakan. AT bertujuan mencegah pengguna daripada mengumpul hutang yang tidak mampu dibayar. Pada masa ini, AT ditetapkan pada RM1,000 setiap pengguna bagi setiap penyedia bukan bank. Walau bagaimanapun, AT yang lebih rendah boleh ditetapkan bagi segmen pengguna tertentu yang mempunyai risiko kredit yang lebih tinggi.

[23] Penyedia akan menggantung akaun dengan bayaran yang tertunggak secara automatik daripada terus digunakan untuk transaksi baharu sehingga semua tunggakan diselesaikan sepenuhnya.

[24] Merujuk akaun BNPL yang tertunggak selama sehari atau lebih.

[25] Melalui inisiatif penstrukturan semula, simpanan ahli kini akan diagihkan dalam Akaun Persaraan (75%), Akaun Sejahtera (15%), dan Akaun Fleksibel (10%), beralih daripada struktur Akaun 1 (70%) dan Akaun 2 (30%) sebelum ini.

[26] Simpanan Asas merujuk jumlah yang ditetapkan lebih awal dalam Akaun Persaraan mengikut umur, yang diwujudkan khusus untuk membolehkan ahli mencapai simpanan minimum sebanyak RM240,000 pada usia 55 tahun.

juga terus menurun (Jun 2024: 24.1%; Disember 2023: 25% daripada jumlah peminjam isi rumah). Lebih dua pertiga hutang DSR tinggi dipegang oleh peminjam berpendapatan sederhana dan tinggi yang lazimnya memiliki rizab kewangan yang lebih besar untuk mengekalkan bayaran balik pinjaman sekiranya berlaku kejutan kewangan. Dalam kalangan peminjam DSR tinggi, mereka yang juga mempunyai tahap pendapatan boleh guna bersih yang rendah dianggap lebih berisiko. Tanda-tanda tekanan dalam kalangan golongan peminjam tersebut kekal terhad, dengan nilai pinjaman tertunggak selama tiga bulan atau lebih terus berkurang (Jun 2024: 2.4%; Disember 2023: 2.9%; Disember 2019: 3% daripada jumlah dedahan) berikutan pertumbuhan pendapatan positif yang berterusan (rujuk Rencana 'Menilai Keupayaan Isi Rumah Membayar Hutang daripada Perspektif Selain DSR').

Rajah 1.17: Sektor Isi Rumah – Median Nisbah Hutang Kepada Pendapatan Mengikut Kumpulan Pendapatan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.18: Sektor Isi Rumah – Komposisi Hutang Sistem Perbankan Mengikut Kumpulan Pendapatan



Nota: 1. Angka-angka tidak termasuk akaun pinjaman yang mempunyai maklumat pendapatan yang tidak lengkap.
2. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kualiti pinjaman isi rumah secara keseluruhan kekal utuh sepanjang tempoh tersebut, berikutan sebahagian besar peminjam terus mampu untuk membayar balik hutang (Rajah 1.19). Bahagian pinjaman isi rumah yang dikelaskan sebagai Tahap 2 (dikenal pasti mempunyai risiko kredit yang lebih tinggi) juga semakin berkurang kepada 4.4% (Disember 2023: 4.8%). Hal ini mencerminkan bayaran balik pinjaman yang berterusan oleh kebanyakan isi rumah, termasuk mereka yang telah keluar daripada program bantuan bayaran balik pinjaman. Tambahan pula, tanda-tanda tekanan baharu telah berkurang berikutan pinjaman isi rumah yang baru R&R menurun kepada RM3.3 bilion pada separuh pertama tahun 2024 (ST2 2023: RM4.6 bilion). Nilai ini bersamaan dengan 0.1% daripada jumlah keseluruhan pinjaman sistem perbankan dan IKP.

Rajah 1.19: Sektor Isi Rumah – Nisbah Pinjaman Terjejas dan Delinkuen dalam Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Meskipun bank-bank sebahagian besarnya telah kembali kepada amalan R&R sebelum pandemik, peminjam yang masih memerlukan bantuan lanjut tetapi tidak layak untuk program R&R bank-bank telah dirujuk kepada AKPK untuk bantuan penstrukturan semula hutang yang lebih menyeluruh. Seiring dengan usaha mempergiat jangkauan dan kesedaran yang dilaksanakan oleh AKPK, hal ini sedikit sebanyak menyumbang kepada pendaftaran yang meningkat sedikit dalam Program Pengurusan Kredit (Debt Management Programme, DMP) AKPK pada separuh pertama tahun 2024. Walau bagaimanapun, jumlah bahagian pinjaman isi rumah yang menerima bantuan bayaran balik pinjaman (R&R bank-bank dan DMP AKPK) kekal rendah pada 2% daripada jumlah keseluruhan pinjaman sistem perbankan dan IKP (Disember 2023: 2.2%).

Pada masa hadapan, keadaan ekonomi dan pasaran pekerja yang menggalakkan serta piawaian pemberian pinjaman yang kukuh akan menyokong keupayaan bayaran balik hutang isi rumah yang berterusan. Tekanan kos sara hidup mungkin terus mencabar sesetengah isi rumah yang asalnya mudah terjejas (contohnya daripada segmen pendapatan yang lebih rendah), namun sebarang kesan terhadap risiko kestabilan kewangan yang lebih meluas dijangka dapat dibendung dengan baik. Berikutan keadaan ekonomi yang semakin baik, prospek inisiatif rasionalisasi subsidi selanjutnya berserta langkah-langkah mitigasi oleh Kerajaan (dalam bentuk pindahan wang tunai dan bantuan bersasar lain kepada peminjam berpendapatan rendah) juga dijangka tidak memberikan kesan yang ketara terhadap daya tahan kewangan isi rumah.

Perkembangan dalam Pasaran Harta Kediaman

Transaksi pasaran perumahan secara amnya kekal melebihi paras sebelum pandemik pada separuh pertama tahun 2024 (Rajah 1.20). Segmen pasaran umum (*mass market*) (rumah berharga RM500,000 dan ke bawah) terus menjadi pendorong utama aktiviti, mencakupi hampir 80% jumlah urus niaga dalam tempoh tersebut. Permintaan terus disokong oleh pengecualian duti setem melalui Inisiatif Pemilikan Kediaman Malaysia (i-Miliki) yang masih tersedia hingga akhir tahun 2025 untuk pembeli rumah kali pertama yang membeli harta kediaman bernilai RM500,000 dan ke bawah. Tambahan pula, lebih 60% pelancaran perumahan baharu pada tahun 2023[27] berada dalam kategori harga RM500,000 dan ke bawah. Hal ini merupakan perkembangan positif ke arah mengurangkan ketidakpadanan penawaran-permintaan yang menjejaskan kemampuan memiliki rumah dan menyumbang kepada hutang isi rumah yang lebih tinggi. Namun begitu, jumlah unit rumah yang tidak terjual (Rajah 1.21) meningkat sedikit sejak beberapa bulan kebelakangan (Jun 2024: 134,170 unit; purata 2015–19: 130,210 unit), didorong oleh pertambahan bilangan unit sedang dibina yang tidak terjual. Keadaan ini mungkin mencerminkan peningkatan pelancaran perumahan baharu selepas pandemik, selaras dengan pemulihan pasaran perumahan. Sementara itu, bilangan unit telah siap yang tidak terjual terus menurun.[28]

Rajah 1.20: Pasaran Harta Tanah – Bilangan Transaksi Perumahan



a Awalan

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

Rajah 1.21: Pasaran Harta Tanah – Bilangan Unit Perumahan Tidak Terjual



Nota: Angka termasuk unit tidak terjual yang telah siap dan unit tidak terjual yang sedang dalam pembinaan untuk kediaman, pangsapuri perkhidmatan dan unit *small office, home office* (SOHO).

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) dan anggaran Bank Negara Malaysia

Harga rumah berkembang pada kadar sederhana sebanyak 3.5% pada suku pertama tahun 2024 (S4 2023: 3.8%), sebahagian besarnya didorong oleh harga harta kediaman bertanah yang lebih tinggi (Rajah 1.22). Harta tanah dalam segmen harta tanah bertingkat terus menunjukkan pergerakan harga yang lebih lemah dan tidak menentu. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk keanjalan penawaran yang lebih tinggi berbanding harta kediaman bertanah dan lebihan unit tidak terjual yang terus berlarutan. Sejak akhir-akhir ini, suatu perkembangan yang nyata ialah peningkatan popularitI pangsapuri perkhidmatan, yang dibina di atas tanah hak milik komersial lantas membolehkan pembangunan yang lebih padat. Ketidakseimbangan mungkin meningkat agak pantas dalam segmen ini jika kadar penawaran jauh melebihi permintaan dan pembelian didorong oleh jangkaan berlebihan berhubung dengan kenaikan harga. Usaha terkini oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (National Property Information Centre, NAPIC) untuk mengumpulkan dan menerbitkan data harga bagi segmen pangsapuri perkhidmatan adalah dialu-alukan dan juga tepat pada masanya kerana dapat menggalakkan keputusan pembelian berdasarkan maklumat yang lebih lengkap dalam kalangan peserta pasaran. Pada masa ini, segmen pangsapuri perkhidmatan masih agak kecil (6% daripada jumlah stok kediaman) berbanding dengan harta tanah bertingkat tradisional (28.7% daripada jumlah stok kediaman).[29]

[27] Data awalan untuk ST1 2024, yang mungkin disemak pada dua suku tahun yang akan datang, menunjukkan bahawa 63% daripada pelancaran perumahan baharu berharga RM500,000 dan ke bawah.

[28] Unit sedang dibina yang tidak terjual merujuk harta tanah yang telah berada di pasaran sekurang-kurangnya sembilan bulan selepas pelancaran tetapi masih dalam pembinaan. Unit telah siap yang tidak terjual merupakan harta tanah yang tidak terjual lebih daripada sembilan bulan selepas pelancaran tetapi telah siap dibina dan sudah menerima Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan.

[29] Pengiraan ini termasuk pangsapuri perkhidmatan sebagai sebahagian daripada jumlah stok kediaman. Namun begitu, pangsapuri perkhidmatan tidak termasuk dalam statistik harta kediaman NAPIC.

Rajah 1.22: Pasaran Harta Tanah – Pertumbuhan Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) Mengikut Jenis



Nota: Unit bertingkat tinggi termasuk kondominium, pangsapuri dan rumah pangsa tetapi mengecualikan pangsapuri perkhidmatan.

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) dan anggaran Bank Negara Malaysia

Pembiayaan untuk pembelian harta kediaman kekal menggalakkan dengan pertumbuhan yang stabil dalam permohonan dan kelulusan pinjaman pada separuh pertama tahun 2024 (Rajah 1.23). Pertumbuhan pinjaman perumahan terkumpul (Jun 2024: 7.5%; Disember 2023: 7.3%) terus didorong terutamanya oleh para pemilik rumah yang mencakupi 76% daripada peningkatan pinjaman terkumpul sepanjang tahun 2023. Bahagian pinjaman baharu yang dikaitkan dengan pembelian untuk pelaburan (diwakili oleh peminjam yang mempunyai dua atau lebih pinjaman perumahan) menunjukkan sedikit peningkatan (Jun 2024: 24%; Disember 2023: 23%). Keadaan ini berikutan peningkatan aktiviti pasaran dan persaingan sengit yang berterusan dalam kalangan pemberi pinjaman yang menyebabkan kadar pemberian pinjaman kekal rendah (kadar purata pemberian pinjaman pada ST1 2024: 4.1%; ST2 2019: 4.4%). Hal ini menyumbang kepada kadar urus niaga perumahan yang lebih tinggi daripada biasa. Meskipun begitu, aktiviti spekulatif dalam pasaran harta tanah masih terkawal. Yang ketara, bilangan peminjam yang mempunyai tiga atau lebih pinjaman perumahan menunjukkan trend menurun dengan pertumbuhan tahunan negatif berturut-turut pada tiga suku terakhir. Setakat bulan Jun 2024, peminjam sedemikian membentuk bahagian yang sangat kecil iaitu 2.9% daripada semua peminjam pinjaman perumahan.

Rajah 1.23: Pasaran Harta Tanah – Bilangan Permohonan Yang Diluluskan dan Kadar Kelulusan Pinjaman Perumahan



a Awalan

Nota: Kadar kelulusan dikira berdasarkan jumlah kelulusan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Median nisbah pinjaman kepada nilai (*loan-to-value*, LTV) bagi pinjaman perumahan terkumpul keseluruhan kekal berhemat (Jun 2024: 68.9%; Disember 2023: 68.2%). Nisbah ini memberikan penampan yang selesa untuk bank-bank dan para peminjam terhadap kemungkinan pembetulan harga rumah. Nisbah LTV berhemat juga diperhatikan bagi segmen harta tanah bertingkat (median nisbah LTV terkumpul: 69.8%). Dalam keadaan pasaran semasa yang agak stabil dan keupayaan berterusan isi rumah untuk membayar balik pinjaman, risiko pembetulan harga rumah secara meluas, mendadak dan tiba-tiba terus rendah. Meskipun begitu, pemberian diskaun dan rebat untuk pembelian harta tanah baharu yang tidak telus boleh mempengaruhi pengiraan LTV apabila diskaun dan rebat sedemikian tidak didedahkan kepada bank pembiaya. Hal ini meningkatkan baki risiko kepada bank-bank dan peminjam. Libat urus baru-baru ini dengan peserta pasaran dan profesional industri menunjukkan bahawa apabila amalan sedemikian wujud, LTV sebenar mungkin bernilai antara 8 hingga 33 mata peratusan lebih tinggi daripada LTV yang dilaporkan. Kemungkinan risiko adalah lebih tinggi untuk harta tanah bertingkat kerana gabungan kesan pertumbuhan harga yang perlahan dan kecenderungan pemberian diskaun dan rebat yang lebih tinggi boleh menyebabkan segmen ini lebih mudah terjejas jika berlaku pembetulan harga rumah. Oleh itu, peningkatan ketelusan berhubung dengan harga rumah kekal mustahak.

Menilai Keupayaan Isi Rumah Membayar Hutang daripada Perspektif Selain DSR

Pengenalan

Nisbah khidmat hutang (*debt service ratio*, DSR) ialah penunjuk umum yang digunakan untuk menilai keupayaan peminjam untuk membayar hutang.[1] Nisbah ini merujuk sebahagian pendapatan bersih bulanan peminjam (pendapatan kasar tolak cukai serta potongan berkanun lain) yang digunakan untuk membayar jumlah obligasi hutang peminjam. Peminjam dengan DSR yang tinggi boleh menunjukkan kelemahan hutang isi rumah kerana sebahagian besar pendapatan bersih bulanan peminjam digunakan untuk membayar obligasi hutang bulanan mereka, lantas hanya sedikit wang yang berbaki untuk perbelanjaan lain atau simpanan. Oleh yang demikian, beberapa negara termasuk Malaysia mempunyai peraturan yang mengehadkan pemberian pinjaman kepada semua atau sebahagian peminjam yang mempunyai DSR melebihi nilai ambang tertentu.[2] Peraturan ini bertujuan untuk memastikan peminjam tidak terbeban oleh hutang serta membendung kemungkinan meningkatnya kelemahan hutang isi rumah.

Secara umum, peminjam dengan DSR yang tinggi cenderung terdedah kepada tekanan pembayaran balik kerana mereka memiliki penampan pendapatan yang lebih kecil untuk melindungi mereka daripada kejutan kewangan yang boleh berlaku disebabkan oleh kehilangan pendapatan, peningkatan kos sara hidup atau bayaran balik pinjaman yang lebih tinggi susulan kenaikan kadar faedah. Penilaian ini disokong oleh keputusan ujian tekanan kesolvenan makro Bank Negara Malaysia (BNM)[3] yang menunjukkan bahawa peminjam isi rumah dengan DSR melebihi 60% (selepas ini dirujuk sebagai peminjam DSR tinggi) sangat kurang berdaya tahan terhadap kejutan pengangguran dan pengurangan pendapatan yang teruk. Dalam senario seperti itu, peminjam DSR tinggi mencecah hingga 5.5 kali lebih berkemungkinan untuk gagal membayar obligasi pinjaman mereka dibandingkan dengan peminjam DSR rendah (peminjam dengan DSR bawah 60%).

Rencana ini memberikan pemahaman lanjut tentang kelemahan hutang isi rumah dengan mengkaji trend berkenaan Pendapatan Boleh Guna Bersih (Net Disposable Income, NDI) sebagai penunjuk tambahan untuk menambah baik penilaian keupayaan peminjam membayar hutang berdasarkan DSR.

Kenapakah perlu ada pendekatan selain DSR apabila menilai keupayaan membayar hutang?

Penilaian kelemahan isi rumah berdasarkan DSR semata-mata mempunyai beberapa kekurangan.

Pertama, penilaian berdasarkan DSR tidak mengambil kira beberapa faktor lain yang juga relevan dalam menilai kemampuan membuat pinjaman. Faktor-faktor ini termasuk pertimbangan berhubung dengan perbezaan tahap keperluan perbelanjaan, penampan kewangan atau kekayaan peminjam merentas, antaranya, segmen pendapatan, demografi dan lokasi yang berbeza. Peminjam DSR tinggi yang berjaya mendapatkan pinjaman lazimnya merupakan mereka yang juga mempunyai pendapatan mutlak lebih tinggi. Kedudukan ini membolehkan mereka menanggung beban hutang yang lebih tinggi. Mereka juga mungkin mempunyai sumber kekayaan lain yang dapat dicagarkan sebagai jaminan, lantas mengurangkan risiko kredit bagi institusi kewangan.

---

1 Cara pengiraan yang tepat berbeza mengikut negara. Di Malaysia, DSR dikira menggunakan pendapatan bersih, manakala di negara lain seperti United Kingdom (UK) dan Singapura, DSR dikira menggunakan pendapatan kasar atau pendapatan sebelum cukai. Cakupan hutang juga berbeza-beza di setiap negara. Pengiraan DSR di Malaysia menilai pinjaman yang diambil daripada bank dan institusi kewangan bukan bank manakala di sesetengah negara, cakupan hutang dalam pengiraan DSR dihadkan kepada pinjaman sistem perbankan.

2 Nilai ambang DSR juga berbeza-beza merentas negara berdasarkan kertas kerja oleh Committee of Global Financial System mengenai 'Macroprudential policies to mitigate housing market risks' (2023).

3 Rujuk Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2021 tentang 'Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan'.

Kedua, ketersediaan bantuan bayaran balik pinjaman melalui institusi kewangan dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah membantu menyokong bayaran balik pinjaman semasa tempoh kesulitan kewangan. Keadaan ini lebih ketara bagi peminjam DSR tinggi yang biasanya mencakupi sebahagian besar peminjam yang menyertai program bantuan bayaran balik pinjaman (Rajah 1). Hal ini menjelaskan punca kualiti peminjaman yang kekal stabil dalam kalangan peminjam DSR tinggi meskipun semasa tempoh tekanan ekonomi dan kewangan yang teruk seperti yang dialami semasa pandemik COVID-19.[4]

Faktor-faktor ini terbukti daripada prestasi pinjaman isi rumah di Malaysia dalam tempoh keadaan ekonomi yang normal dan tertekan. Prestasi peminjaman antara peminjam DSR tinggi dengan peminjam DSR rendah tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Semasa tempoh tekanan, peminjaman oleh peminjam DSR tinggi dikaitkan dengan insiden gagal membayar hutang yang lebih rendah berbanding dengan peminjaman oleh peminjam DSR rendah (Rajah 2).

Berdasarkan pemerhatian ini, pergantungan terhadap pengiraan DSR yang tidak dibezakan[5] sahaja mungkin tidak mencukupi untuk menjelaskan sepenuhnya keupayaan peminjam membayar hutang, baik dalam tempoh keadaan ekonomi normal mahupun keadaan ekonomi tertekan.

Rajah 1: Sektor Isi Rumah – Bahagian Pinjaman di Bawah Bantuan Bayaran Balik Pinjaman berdasarkan Nisbah Khidmat Hutang Peminjam



Nisbah khidmat hutang peminjam:

< 60 > 60

Nota: 1. Data merujuk pinjaman di bawah program penstrukturan dan penjadualan semula yang ditawarkan oleh institusi kewangan serta Program Pengurusan Kredit di bawah Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit.
2. Data merujuk kepada pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2: Sektor Isi Rumah – Bahagian Bayaran Balik Pinjaman Tidak Mengikut Jadual berdasarkan Nisbah Khidmat Hutang Peminjam



Nisbah khidmat hutang peminjam:

< 60 > 60

Nota: 1. Data merujuk pinjaman tertunggak satu bulan atau lebih.
2. Data merujuk kepada pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penggunaan NDI bersama-sama dengan DSR untuk menilai keupayaan membayar hutang

Dari segi amalan, institusi kewangan bergantung pada NDI bersama-sama dengan DSR untuk menilai kemampuan pinjaman dan membuat keputusan pemberian pinjaman. NDI lazimnya dikira dengan menolak jumlah bayaran balik pinjaman bulanan[6] daripada pendapatan bulanan bersih peminjam untuk mendapatkan baki pendapatan yang akan digunakan untuk menampung perbelanjaan penggunaan mereka. Perbelanjaan penggunaan peminjam dipengaruhi oleh keadaan individu dan pilihan gaya hidup seperti status perkahwinan, jumlah tanggungan dan lokasi kediaman.[7]

[4] Kualiti peminjaman dalam tempoh ini turut disokong oleh bantuan luar biasa yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan agensi berkaitan untuk membendung kesan pandemik COVID-19. Bantuan ini termasuk moratorium bayaran balik pinjaman, pindahan tunai untuk individu, dan subsidi upah untuk menggalakkan perniagaan mengekalkan pekerja.
[5] Contohnya, mengambil kira perbezaan tahap pendapatan dan kos sara hidup berdasarkan tempat tinggal.
[6] Jumlah bayaran balik pinjaman bulanan termasuk jumlah peminjaman baharu.
[7] Sebagai contoh, kos sara hidup biasanya lebih tinggi bagi peminjam yang tinggal di kawasan bandar.

NDI membolehkan institusi kewangan mengambil kira pendapatan dan perbelanjaan penggunaan peminjam dengan lebih baik kerana NDI lebih mudah disesuaikan dengan keadaan khusus peminjam. Misalnya, dalam menilai kemampuan pinjaman dalam kalangan peminjam yang mempunyai pendapatan dan tahap DSR yang sama, penggunaan NDI yang lebih tinggi adalah wajar terhadap peminjam yang sudah berkahwin dan mempunyai anak kerana mereka mungkin mempunyai perbelanjaan yang lebih tinggi dibandingkan dengan peminjam yang belum berkahwin dan tiada tanggungan. Sejajar dengan itu, peminjam dengan NDI rendah lebih berkemungkinan dikaitkan dengan margin kewangan yang rendah atau negatif,[8] yang seterusnya menyebabkan mereka lebih mudah menghadapi kesulitan kewangan.

Tahap NDI minimum yang dipatuhi oleh institusi kewangan adalah pelbagai mengikut institusi dan dapat dibezakan mengikut produk pinjaman, pendapatan peminjam, profil risiko, lokasi dan status perkahwinan. Institusi kewangan menyemak nilai ambang dalaman ini secara berkala, sesetengahnya setiap tahun, untuk mengambil kira perubahan kos sara hidup.

Berdasarkan analisis sampel 21.1 juta akaun pinjaman (92% daripada akaun pinjaman isi rumah terkumpul) dalam tempoh 12 bulan, BNM mendapati bahawa akaun pinjaman yang dipegang oleh peminjam dengan NDI RM1,000[9] atau kurang adalah lebih berkemungkinan mengalami kesulitan[10] menjelang akhir tempoh 12 bulan dibandingkan dengan akaun pinjaman yang dipegang oleh peminjam dengan tahap NDI yang lebih tinggi (Rajah 3). Dengan menggabungkan penunjuk NDI dan DSR, bukti yang lebih jelas diperoleh mengenai kelemahan isi rumah seperti yang diperhatikan pada bahagian lebih tinggi oleh akaun pinjaman yang terjejas dan mengalami kesulitan (Rajah 4), dibandingkan dengan pemerhatian berdasarkan DSR sahaja.

Rajah 3: Sektor Isi Rumah – Bahagian Akaun Pinjaman Terjejas dan Akaun Pinjaman Yang Menghadapi Kesukaran berdasarkan Pendapatan Boleh Guna Bersih Bulanan Peminjam



Pendapatan boleh guna bersih bulanan peminjam:

< RM1,000 > RM1,000

Nota: Data merujuk kepada pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 4: Sektor Isi Rumah – Bahagian Akaun Pinjaman Terjejas dan Akaun Pinjaman Yang Menghadapi Kesukaran berdasarkan Nisbah Khidmat Hutang dan Pendapatan Boleh Guna Bersih Bulanan Peminjam



Peminjam:

Keseluruhan Nisbah khidmat hutang > 60

Nisbah khidmat hutang > 60 dan pendapatan boleh guna bersih bulanan < RM1,000

Nota: Data merujuk kepada pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

Sumber: Bank Negara Malaysia

[8] Margin kewangan ditakrifkan sebagai baki pendapatan bersih bulanan peminjam (ditakrifkan sebagai pendapatan kasar ditolak potongan berkanun), bayaran balik hutang dan perbelanjaan asas. Maklumat lanjut tentang penggunaan margin kewangan oleh BNM boleh dibaca dalam rencana ' Meramal Masa Mungkir Isi Rumah – Penambahbaikan kepada Rangka Kerja Margin Kewangan' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Pertama 2020.

[9] Bagi tujuan analisis ini, RM1,000 dipilih sebagai wakil nilai ambang NDI daripada julat nilai ambang NDI yang digunakan oleh institusi kewangan dalam menilai kemampuan pinjaman. Analisis kakitangan juga mendapati bahagian peminjam yang lebih besar dengan NDI bawah RM1,000 mempunyai sekurang-kurangnya satu akaun pinjaman mungkir. Sehingga bulan Jun 2024, sekitar 13% peminjam isi rumah mempunyai NDI RM1,000 dan ke bawah.

[10] Kesulitan ditakrifkan sebagai akaun pinjaman yang gagal dibayar atau terjejas, serta akaun pinjaman di bawah bantuan bayaran balik pinjaman daripada institusi kewangan atau AKPK. Dalam rencana ini, akaun pinjaman terjejas ditakrifkan sebagai akaun pinjaman yang tertunggak selama tiga bulan atau lebih.

Trend dalam NDI

Sejak tahun 2019, NDI median untuk pinjaman yang baru diluluskan pada amnya tidak berubah merentas semua kumpulan pendapatan. NDI median bagi pinjaman yang baru diluluskan kepada segmen peminjam berpendapatan rendah berjumlah kira-kira RM1,210 (Rajah 5). Meskipun melebihi nilai ambang NDI semasa yang digunakan oleh kebanyakan bank, jumlah ini berada di bawah perbelanjaan purata[11] antara RM1,840 hingga RM2,440 berpandukan pada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)[12] untuk individu mencapai taraf hidup yang wajar dan boleh diterima di bandar-bandar utama. Hal ini mungkin mencadangkan skop untuk pembezaan lanjut nilai ambang NDI mengikut keadaan khusus peminjam sebagai sebahagian daripada usaha berterusan bank-bank untuk memastikan penilaian kemampuan pinjaman cukup mantap. Meskipun begitu, perlu diberi perhatian bahawa bahagian peminjam dengan NDI yang rendah (sebagai ukuran bagi peminjam yang lebih mudah terjejas) adalah sangat rendah berbanding ukuran bahagian yang berdasarkan DSR sahaja (Rajah 6). Bahagian peminjam yang mempunyai DSR tinggi dan NDI rendah pula jauh lebih kecil. Keadaan ini mengesahkan lagi penilaian semasa berhubung dengan daya tahan isi rumah secara keseluruhan.

Rajah 5: Sektor Isi Rumah – Median Pendapatan Boleh Guna Bersih Bulanan Peminjam untuk Pinjaman yang Baru Diluluskan berdasarkan Kumpulan Pendapatan



Nota: Data merujuk kepada pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 6: Sektor Isi Rumah – Bahagian Peminjam Terkumpul berdasarkan Nisbah Khidmat Hutang dan Pendapatan Boleh Guna Bersih Bulanan Peminjam



Nota: Data merujuk kepada pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rujukan

- Committee on the Global Financial System (2023). 'Macroprudential Policies to Mitigate Housing Market Risks.'
- Bank Negara Malaysia, BNM (2020). 'Meramal Masa Mungkir Isi Rumah – Penambahbaikan kepada Rangka Kerja Margin Kewangan', Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Tahun Pertama 2020.
- Bank Negara Malaysia (2022). 'Menilai Daya Tahan Institusi Kewangan', Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Tahun Kedua 2021.
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (2023). 'Belanjawanku: Panduan Belanjawanku untuk Individu dan Keluarga di Malaysia.'

[11] Perbelanjaan terdiri daripada jumlah yang dibelanjakan untuk keperluan asas dan mengikut budi bicara seperti aktiviti rekreasi, percutian dan acara sosial serta peruntukan untuk simpanan.

[12] Berdasarkan Panduan Belanjawan KWSP 2023.

RISIKO OPERASI

Sektor kewangan terus berwaspada untuk melindungi daya tahan operasi terhadap ancaman yang berlarutan

Usaha berterusan oleh institusi kewangan untuk memastikan amalan pengurusan risiko operasi yang kukuh dan kawalan penipuan kekal mustahak bagi menyokong daya tahan operasi sistem kewangan dalam menghadapi cabaran semasa daripada pendigitalan perkhidmatan kewangan dan pergantungan yang semakin meningkat pada penyedia perkhidmatan pihak ketiga (*third-party service provider*, TPSP). Insiden operasi terus menguji keupayaan pengesanan, pemantauan dan pemulihan institusi kewangan. Meskipun kerugian kewangan daripada risiko operasi yang dilaporkan oleh institusi kewangan kekal rendah (ST1 2024: RM183.9 juta; ST1 2023: RM188.6 juta), beberapa insiden gangguan yang sederhana kepada perkhidmatan perbankan dalam talian telah berlaku dalam tempoh tersebut. Hal ini memerlukan beberapa institusi mengambil langkah-langkah yang lebih kukuh bagi memastikan pelan tindak balas insiden lebih mantap dan pemantauan risiko berkaitan pihak ketiga yang lebih teliti. Institusi kewangan yang gagal mematuhi piawaian pengawalseliaan yang ditetapkan untuk memastikan tahap ketersediaan perkhidmatan yang tinggi[30] akan tertakluk pada tindakan penyeliaan atau penguatkuasaan yang berat, termasuk arahan untuk memperkukuh kawalan, mempertingkatkan keperluan modal untuk risiko operasi dan penalti monetari pentadbiran (*administrative monetary penalties*, AMP).

Risiko berkaitan teknologi dan siber akan terus menjadi cabaran dalam pengurusan dan penyeliaan risiko operasi dalam sistem kewangan. Peningkatan kecanggihan alat dan teknik yang digunakan oleh pelaku ancaman (*threat actors*), serta TPSP yang dijadikan sasaran untuk mendapatkan akses kepada sistem atau data institusi kewangan, telah meningkatkan lagi tuntutan yang perlu dipenuhi oleh institusi kewangan dalam usaha berterusan untuk melindungi persekitaran mereka. Institusi kewangan terus melaburkan sumber yang besar untuk mengukuhkan proses pengesanan dan mitigasi keselamatan siber mereka. Perbelanjaan tahunan teknologi maklumat (*information technology*, IT) oleh institusi-institusi kewangan untuk keselamatan siber sahaja telah meningkat paling tinggi pada tahun 2024 lantas melanjutkan peningkatan peruntukan keselamatan siber sebanyak dua angka bagi tempoh tahunan yang berturut-turut.

Piawaian pengurusan risiko operasi lebih tinggi yang terpakai pada penyedia perkhidmatan pembayaran juga telah meningkatkan tahap kawalan risiko keselamatan siber yang dipatuhi oleh pengeluar wang elektronik (*e-money issuers*, EMI) dan pemeroleh peniaga, dengan penambahbaikan berterusan diperhatikan pada tahap kematangan keselamatan siber para penyedia perkhidmatan pembayaran ini. Perkongsian maklumat secara proaktif antara BNM dengan industri tentang risikan ancaman siber melalui Platform Risikan Ancaman Siber Sektor Kewangan (Financial Sector Cyber Threat Intelligence Platform, FinTIP) terus menyokong keupayaan pengesanan ancaman dan tindak balas insiden oleh institusi kewangan. Bilangan laporan risikan ancaman siber yang dikongsikan dalam FinTIP meningkat sebanyak 40% pada separuh pertama tahun 2024 berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lepas. Selain itu, usaha mendidik dan menguatkuasakan amalan keselamatan siber yang kukuh dalam kalangan kakitangan dan pelanggan kekal penting untuk membina serta mengekalkan asas pertahanan keselamatan siber yang kukuh.

Bagi mengukuhkan lagi daya tahan operasi institusi kewangan, BNM akan memperkenalkan jangkaan yang dipertingkatkan dalam pengurusan risiko siber berkaitan TPSP. Perkara ini termasuk jangkaan terhadap institusi kewangan untuk:

- mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk memahami dan mengenal pasti kemungkinan kelemahan yang berkaitan dengan tahap ketersediaan keselamatan siber dan rantaian bekalan TPSP mereka;
- menjalankan ujian bersama secara berkala terhadap pelan kesinambungan perniagaan (*business continuity plan*, BCP) dan pelan pemulihan bencana (*disaster recovery plan*, DRP) dengan TPSP yang penting; dan
- mengenal pasti dan menyediakan TPSP alternatif sebagai sandaran (*redundancy*) dan untuk mengekalkan perkhidmatan perlu (*essential services*) semasa gangguan.

Ujian tekanan IT berkala kekal sebagai langkah penting bagi meningkatkan keupayaan institusi kewangan untuk bertindak balas dan pulih daripada kejadian ekstrem atau kejutan luaran yang berpunca daripada gangguan IT dan serangan siber. Susulan satu tinjauan tematik yang dijalankan oleh BNM baru-baru ini terhadap program ujian tekanan IT bank-bank, BNM telah mengeluarkan panduan berhubung dengan senario tekanan yang lazim dan parameter kejutan minimum untuk ujian tekanan IT bagi menggalakkan ketekalan yang lebih tinggi pada tahap ketelitian ujian tekanan IT yang dijalankan oleh bank-bank. Tinjauan tematik ini juga membolehkan BNM mengenal pasti tindak balas dan tindakan pemulihan yang lazim dalam kalangan bank yang boleh menimbulkan risiko sistemik.

[30] Seperti yang termaktub dalam S10.32 dalam dokumen dasar Pengurusan Risiko dalam Teknologi (Risk Management in Technology, RMiT).

Gambar Rajah 1: Usaha Seluruh Industri untuk Memperkukuh Keselamatan Perbankan dalam Talian



Sumber: Bank Negara Malaysia

Institusi kewangan kekal berwaspada terhadap bentuk penipuan kewangan baharu dan terus memperhalus keupayaan pengesanan penipuan mereka. Penambahbaikan langkah-langkah pencegahan penipuan oleh bank-bank sebagai sebahagian daripada usaha yang lebih luas untuk memperkukuh keseluruhan pertahanan berbilang lapisan keselamatan perbankan dalam talian (Gambar Rajah 1) telah menghasilkan penurunan trend kes transaksi perbankan dalam talian tanpa kebenaran (2022 berbanding 2023: pengurangan 28%) yang telah dilaporkan kepada Pusat Respons Scam Kebangsaan (National Scam Response Center, NSRC). Pada tahun 2023, sebanyak RM383 juta nilai penipuan transaksi kewangan telah berjaya disekat oleh institusi kewangan. Langkah-langkah pencegahan penipuan juga telah diperluas kepada semua EMI yang layak bagi memastikan perlindungan seluruh sektor yang lebih berkesan.

Usaha berterusan dilaksanakan untuk memastikan daya tahan sistem pembayaran dan penyelesaian

Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) dan sistem pembayaran runcit (*retail payment systems*, RPS) utama terus mengekalkan ketersediaan sistem yang tinggi sepanjang separuh pertama tahun 2024. Meskipun tiada insiden besar atau gangguan perkhidmatan berlaku pada RENTAS, terdapat gangguan perkhidmatan pada DuitNow di bawah Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (Real-time Retail Payment Platform, RPP) dan pada perkhidmatan cek dalam Sistem Penjelasan Maklumat Cek Elektronik Kebangsaan (National Electronic Cheque Information Clearing System, eSPICK) pada bulan Mei disebabkan oleh kegagalan perkakasan. Kedua-dua perkhidmatan tersebut telah dipulihkan dengan segera berikutan kejayaan pengaktifan pelan luar jangka (*contingency plan*) dan pelan pemulihan yang beroperasi seperti yang dijangka. Tiada insiden berulang yang berlaku.

Sejak 1 Julai 2024, semua peserta RENTAS telah berjaya memindahkan transaksi pembayaran RENTAS mereka kepada standard ISO 20022. Pemindahan ini menandakan selesainya projek yang bermula pada tahun 2019 dalam usaha menyokong pengukuhan infrastruktur pembayaran domestik utama bagi persediaan masa hadapan. Penerapan piawaian penghantaran mesej ISO 20022 membolehkan institusi kewangan mengakses data yang lebih terperinci dan lebih berstruktur, termasuk rujukan pembayaran, butiran invois dan maklumat pengawalseliaan. Dengan maklumat ini, peserta RENTAS boleh menambah baik saringan pematuhan, meningkatkan automasi proses dan menyediakan perkhidmatan pelanggan yang lebih baik. Peserta RENTAS kini memberikan tumpuan pada peralihan ke arah pembayaran rentas sempadan yang dijangka selesai pada bulan Jun 2025 untuk mesej

pembayaran utama, dan bulan November 2026 bagi mesej bukan utama untuk memenuhi garis masa yang ditetapkan oleh SWIFT.[31] Setakat bulan Julai 2024, sekitar 32% peserta telah menyelesaikan perpindahan untuk pembayaran rentas sempadan, dengan baki peserta dijangka menepati jadual untuk memenuhi garis masa yang ditetapkan.

Rangkaian pembayaran rentas sempadan masa nyata serantau antara Malaysia dengan Indonesia, Thailand dan Singapura telah menyumbang kepada peningkatan penggunaan pembayaran kod Respon Pantas (Quick Response, QR) rentas sempadan. Jumlah transaksi pembayaran QR pada enam bulan pertama tahun 2024 sahaja adalah dua kali bilangan transaksi yang dicatatkan bagi keseluruhan tahun 2023. Dengan jumlah transaksi pembayaran yang dijangka terus meningkat, usaha memastikan pengendali sistem pembayaran terus memenuhi spesifikasi teknikal yang ditetapkan secara berterusan akan menjadi sangat penting bagi meminimumkan gangguan perkhidmatan dan meningkatkan keselamatan. Perkara ini dikukuhkan lagi oleh usaha berterusan BNM untuk mempertingkatkan pengaturan pengawasan rentas sempadan secara bersama dengan badan pengawalseliaan di negara masing-masing.

[31] The Society for Worldwide Interbank Financial Telecommunication (SWIFT) merupakan pengendali rangkaian global yang memudahkan transaksi kewangan dan komunikasi yang terjamin antara institusi perbankan dengan institusi kewangan lain.

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

Sektor Perbankan 29

Sektor Insurans dan Takaful 36

Rencana: Perniagaan Insurans Hayat Sertaan di Malaysia *39*

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

SEKTOR PERBANKAN

Kedudukan pendanaan dan mudah tunai bank-bank yang kukuh kekal menyokong aktiviti pengantaraan

Pada separuh pertama tahun 2024, kedudukan mudah tunai dan pendanaan sistem perbankan kekal berdaya tahan terhadap kejutan mudah tunai. Agregat Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) (Rajah 2.1) dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (Net Stable Funding Ratio, NSFR) (Rajah 2.2) kekal kukuh dan melebihi tahap pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 155.1% dan 115.5% pada akhir bulan Jun 2024 (Disember 2023: masing-masing 161% dan 118.2%). Bank-bank terus memegang sejumlah besar aset mudah tunai berkualiti tinggi (*high-quality liquid assets*, HQLA) (RM762.7 bilion; Disember 2023: RM758.2 bilion), kebanyakannya dalam bentuk pemegangan bon kerajaan dan penempatan dengan bank pusat yang boleh dicagarkan melalui pasaran antara bank atau dengan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mendapatkan mudah tunai tambahan.

Rajah 2.1: Sistem Perbankan – Nisbah Perlindungan Mudah Tunai



Nota: 1. LCR MYR dikira berdasarkan HQLA dan jangkaan aliran keluar tunai bersih dalam denominasi ringgit.
2. LCR keseluruhan dikira berdasarkan HQLA dan jangkaan aliran keluar tunai bersih dalam denominasi semua mata wang.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.2: Sistem Perbankan – Nisbah Pendanaan Stabil Bersih



Sumber: Bank Negara Malaysia

Jumlah mudah tunai sistem perbankan kekal menyokong aktiviti pengantaraan kewangan, iaitu antara RM95 bilion hingga RM127 bilion antara bulan Mac hingga September 2024 (purata: RM106.7 bilion). Kadar semalaman antara bank dan kadar antara bank jangka pendek juga kekal stabil, mencerminkan keadaan pasaran antara bank yang teratur. Sementara itu, deposit sistem perbankan terus berkembang pada kadar yang kukuh sebanyak 4.9% (CAGR 2015–19: 4.4%) (Rajah 2.3), didorong oleh individu dan perniagaan pemastautin (termasuk perusahaan awam bukan kewangan). Segmen-segmen ini terus membentuk sebahagian besar asas deposit masing-masing pada 36.2% dan 33.6%, sejajar dengan peningkatan pendapatan isi rumah dan aktiviti perniagaan. Hampir separuh daripada jumlah deposit sistem perbankan (48.7%; Disember 2023: 48.5%; purata 2015–19: 51.2%) terdiri daripada deposit tetap (termasuk Murabahah Komoditi) (Rajah 2.4) yang memberikan sumber pendanaan yang stabil bagi bank-bank. Bahagian deposit tetap telah meningkat semula sepanjang tahun lalu selepas penurunan secara stabil semenjak pandemik, mencerminkan pengurangan lebihan penampan tunai luar jangka secara beransur-ansur oleh isi rumah dan syarikat. Hal ini sejajar dengan jangkaan yang lebih kukuh bahawa kadar faedah dasar tidak berubah pada masa hadapan. Bank-bank juga terus

mengukuhkan asas pendanaan yang stabil melalui terbitan nota jangka sederhana, yang merangkumi 4.9% daripada jumlah liabiliti bank-bank (purata 2015-19: 5.6%). Bagi mengukuhkan lagi pengurusan risiko mudah tunai oleh bank-bank, BNM akan memuktamadkan dokumen dasar berhubung dengan Risiko Mudah Tunai berikutan tamatnya tempoh maklum balas mengenai draf dedahan hal ini pada bulan November 2023. Dokumen dasar yang akan diterbitkan pada separuh kedua tahun 2024 ini akan menjelaskan kehendak BNM berhubung dengan pengurusan risiko mudah tunai, termasuk panduan tambahan mengenai ujian tekanan mudah tunai, pengurusan mudah tunai intrahari dan penzahiran maklumat berkaitan mudah tunai berkualiti tinggi.

Kos dana purata bank-bank menurun sedikit sebanyak enam mata asas kepada 2.90% antara bulan Disember 2023 hingga Jun 2024 (Rajah 2.5), sejajar dengan persaingan yang mereda untuk deposit korporat. Namun begitu, kos dana purata adalah sekitar 10 mata asas lebih tinggi jika dibandingkan dengan tahap sebelum pandemik meskipun kadar dasar telah kembali kepada tahap sebelum pandemik. Hal ini mencerminkan tahap mudah tunai sistem perbankan keseluruhan yang lebih rendah berbanding dengan tempoh sebelumnya dan sedikit sebanyak mencerminkan pengagihan mudah tunai yang tidak sekata merentas bank-bank. Penampan HQLA yang lebih daripada mencukupi terus mengekalkan keupayaan setiap bank untuk memanfaatkan dana bank pusat dan sumber pendanaan berasaskan pasaran untuk memenuhi keperluan mudah tunai masing-masing. Selaras dengan hal ini, tiada tanda ketara yang menunjukkan keadaan kredit menjadi ketat. Pemberian pinjaman kepada isi rumah dan perniagaan terus berkembang pada kadar yang kukuh (+6.4%; Disember 2023: +5.3%) (Rajah 2.6). Kadar pemberian pinjaman purata berwajaran bagi pinjaman perniagaan dan runcit baharu juga kekal stabil secara amnya (masing-masing -4 mata asas dan -1 mata asas dari bulan Disember 2023 hingga bulan Jun 2024) berikutan persaingan sihat yang diperhatikan dalam kalangan bank-bank.

Rajah 2.3: Sistem Perbankan – Sumbangan kepada Pertumbuhan Deposit Diterima



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.4: Sistem Perbankan – Komposisi Deposit Mengikut Jenis



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.5: Sistem Perbankan – Kos Deposit Purata, Kos Dana Purata dan OPR



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.6: Sistem Perbankan – Pertumbuhan Pinjaman Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Risiko penularan daripada dedahan bank kepada rakan niaga luar negeri kekal terurus

Hutang luar negeri bank-bank meningkat sebanyak RM22.7 bilion pada separuh pertama tahun 2024 (Rajah 2.7), sebahagian besarnya didorong oleh pinjaman antara bank yang lebih tinggi. Lebih separuh daripada pinjaman ini merupakan dedahan dalam kalangan kumpulan, terutamanya oleh bank asing yang diperbadankan di Malaysia (*locally-incorporated foreign banks*, LIFB) yang mendapatkan dana daripada syarikat induk yang terletak di luar negara, serta oleh bank-bank yang terletak di Labuan International Business and Financial Centre (LIBFC) bagi memudahkan transaksi yang diatur dan diuruskan oleh ibu pejabat asing. Selain itu, beberapa bank telah meningkatkan pinjaman mata wang asing (*foreign currency*, FCY) mereka untuk mendapatkan pembiayaan ringgit yang lebih murah melalui pengaturan swap FCY. Walau bagaimanapun, tindakan ini hanya menyumbang kira-kira 3% daripada jumlah pembiayaan bank dan dijangka tidak berkembang dengan ketara berikutan pengukuhan ringgit dan jangkaan penurunan kadar Federal Reserve Board Amerika Syarikat (AS) (Fed) selanjutnya.

Oleh itu, kebergantungan yang rendah terhadap rakan niaga luar negeri bagi keperluan pendanaan domestik telah terus mengehadkan risiko daripada dedahan hutang luar negeri bank-bank. Sebahagian besar dedahan luar negeri bank-bank masih dengan rakan niaga yang berkaitan atau dalam bentuk hutang stabil jangka panjang (78.4%; Disember 2023: 78.6% daripada jumlah hutang luar negeri), lantas meminimumkan risiko pelanjutan dan pengeluaran (*rollover and withdrawal risks*). Sementara itu, hutang luar negeri jangka pendek dengan rakan niaga tidak berkaitan mempunyai penampan yang mencukupi kerana bank-bank terus memegang aset mudah tunai FCY yang besar, memadai untuk menampung hingga 2.5 kali (Disember 2023: 2.4 kali) jumlah hutang luar negeri FCY berisiko[1] (Rajah 2.8).

Bank-bank juga terus berdaya tahan terhadap risiko pertukaran asing (*foreign exchange*, FX). Kedudukan terbuka bersih FX (*FX net open position*, FX NOP) keseluruhan bagi bank-bank meningkat sejajar dengan peningkatan volatiliti pasaran (Rajah 2.9) dalam tempoh semakan, namun kekal terurus pada 5.2% daripada jumlah modal (Disember 2023: 3.9%; purata 2020-22: 4.2%). Pada masa hadapan, risiko dijangka kekal terkawal berikutan pengukuhan ringgit dalam keadaan kadar faedah dasar global yang lebih rendah dan prospek positif pertumbuhan ekonomi Malaysia.

[1] Hutang luar negeri FCY berisiko bagi bank-bank terdiri daripada deposit institusi kewangan, peminjaman antara bank dan pinjaman jangka pendek daripada rakan niaga bukan pemastautin yang tidak berkaitan, yang dianggap lebih terdedah pada kejutan pengeluaran secara tiba-tiba.

Rajah 2.7: Hutang Luar Negeri Bank-bank – Mengikut Instrumen



Nota: Hutang luar negeri bank-bank dalam konteks ini merujuk hutang luar negeri DBG, LIFB dan bank-bank di Labuan International Business and Financial Centre (LIBFC).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.8: Sistem Perbankan – Hutang Luar Negeri FCY Berisiko dan Aset Mudah Tunai FCY



Nota: Aset mudah tunai terdiri daripada tunai dan setara tunai, sekuriti hutang tidak dihalang (*unencumbered*) dan penempatan antara bank.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.9: Sistem Perbankan – Kedudukan Terbuka Bersih FX dan USD



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kualiti aset bank-bank meningkat namun risiko penurunan kualiti masih wujud

Kualiti aset bank-bank kekal utuh apabila kebanyakan peminjam terus menunjukkan peningkatan dalam keupayaan membayar balik hutang. Nisbah pinjaman terjejas kasar menyusut kepada 1.6% pada separuh pertama tahun 2024 (Disember 2023: 1.7%) (Rajah 2.10). Prospek kualiti aset juga bertambah baik, dengan bahagian pinjaman yang dikelaskan sebagai Tahap 2 terus berkurang dibandingkan dengan purata sebelum pandemik kepada 7% daripada pinjaman sistem perbankan (Disember 2023: 7.2%; purata 2018-20: 8%) (Rajah 2.11). Sejajar dengan keadaan ini, pinjaman di bawah program bantuan bayaran balik pinjaman[2] berkurang kepada 2% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan (Disember 2023: 2.4%), manakala pinjaman baharu yang dijadualkan semula dan distrukturkan semula daripada peminjam yang menghadapi kekangan kewangan kekal kecil pada 0.09% daripada jumlah pinjaman bank-bank (Disember 2023: 0.16%). Peningkatan secara berterusan dalam kegiatan ekonomi akan terus menyokong kualiti aset yang kukuh. Meskipun begitu, bank-bank terus memantau dengan teliti segelintir peminjam yang mudah terjejas akibat tekanan kos yang lebih tinggi, terutamanya isi rumah berpendapatan rendah serta perusahaan kecil dalam sektor borong dan runcit serta sektor perkilangan.

Rajah 2.10: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.11: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Tahap 2



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kebanyakan bank secara beransur-ansur mengurangkan pertimbangan pengurusan (*management overlay*)[3] yang terkumpul sejak pandemik COVID-19, lantas menyumbang kepada peruntukan keseluruhan yang lebih rendah. Setakat bulan Jun 2024, pertimbangan pengurusan adalah sekitar 25% daripada peruntukan jangkaan kerugian kredit (*expected credit loss*, ECL) bank-bank untuk pinjaman, menyusut daripada 27% pada bulan Disember 2023. Sehubungan dengan itu, peruntukan ECL sebagai sebahagian daripada jumlah pinjaman telah menurun daripada paras tertinggi baru-baru ini namun kekal lebih tinggi daripada purata yang pernah dicatatkan kerana bank-bank terus berwaspada terhadap cabaran kos yang berterusan dalam kalangan beberapa segmen peminjam yang berisiko lebih tinggi. Nisbah perlindungan kerugian pinjaman sistem perbankan (termasuk rizab pengawalseliaan) juga kekal tinggi pada 124.2% (Disember 2023: 119.2%) (Rajah 2.12). Oleh itu, potensi kerugian daripada segmen peminjam yang mudah terjejas dijangka kekal dalam lingkungan penampan bank yang tersedia, menjadikan bank-bank berada pada kedudukan yang baik untuk menangani kejutan pendapatan. Selain itu, beberapa bank telah menggunakan pertimbangan pengurusan bagi peminjam yang sangat terdedah kepada risiko fizikal berkaitan iklim. Dengan amalan peruntukan konservatif yang masih dikekalkan, kos kredit tahunan pada amnya stabil sekitar purata yang pernah dicatatkan sebelum pandemik (Rajah 2.13).

[2] Merujuk semua jenis program bantuan bayaran balik pinjaman termasuk baki pinjaman di bawah bantuan yang diberikan berikutan COVID-19, pakej khusus bank-bank serta penstrukturan semula dan penjadualan semula (restructuring and rescheduling, R&R).

[3] Pertimbangan pengurusan ialah peruntukan tambahan yang disediakan sebagai tambahan kepada peruntukan yang diperoleh daripada model ECL. Peruntukan ini mencerminkan pelarasan untuk mengambil kira kekurangan atau ketidakpastian data yang tidak digambarkan sepenuhnya oleh model ECL.

Rajah 2.12: Sistem Perbankan – Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman (Termasuk Rizab Pengawalseliaan)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.13: Sistem Perbankan – Nisbah Kos Kredit Tahunan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pendapatan bank bertambah baik berikutan tanda-tanda margin faedah semakin stabil

Keuntungan bank-bank terus disokong oleh pendapatan faedah yang berterusan berikutan pertumbuhan pinjaman yang lebih kukuh dan peningkatan kecekapan operasi (Rajah 2.14). Nisbah kos kepada pendapatan (*cost-to-income*, CTI)[4] menurun kepada 46.9% pada separuh pertama tahun 2024 (Disember 2023: 48.5%). Hal ini membantu mengurangkan tekanan pada margin faedah bersih (Jun 2024: 1.96%; Disember 2023: 1.97%; purata 2015-19: 2.11%) yang berpunca daripada kos dana yang tinggi. Margin meningkat dengan sederhana dalam beberapa bulan kebelakangan ini susulan persaingan deposit yang semakin reda dan bahagian deposit tetap yang semakin stabil sebagai sebahagian daripada jumlah pendanaan.

Rajah 2.14: Sistem Perbankan – Pendapatan, Kos dan Untung sebelum Cukai



Nota: 1. Pertumbuhan tahunan dikira berdasarkan angka-angka untuk ST1 2023 dan ST1 2024.
2. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[4] Nisbah CTI merujuk kos pengendalian operasi (iaitu kos operasi) berbanding dengan jumlah pendapatan bank-bank.

Pendapatan perdagangan dan pelaburan (ST1 2024: RM6.8 bilion; ST2 2023: RM6.4 bilion) memberikan sokongan tambahan kepada keuntungan bank. Walaupun pegangan bon kerajaan keseluruhan oleh bank-bank terus meningkat sedikit (10.6% daripada jumlah aset sistem perbankan; Disember 2023: 10.3%), dedahan bank kepada risiko kadar faedah dalam akaun perbankan (*banking book*) kekal terurus.[5] Hal ini disokong oleh strategi aktif untuk mengurangkan tempoh (*duration*) pemegangan bon kerajaan.

Selari dengan pendapatan yang lebih tinggi, pulangan atas aset dan ekuiti sistem perbankan masing-masing meningkat kepada 1.3% dan 12% (Disember 2023: masing-masing 1.2% dan 11.2%). Hal ini seterusnya menyokong penilaian pasaran yang lebih baik bagi bank-bank tersenarai, seperti yang diukur melalui nisbah harga kepada nilai buku (*price-to-book*, P/B) dan nisbah harga kepada perolehan (*price-to earnings*, P/E) (Rajah 2.15) berserta dengan sentimen pelabur yang bertambah baik pada amnya. Keadaan ini seterusnya meningkatkan lagi prestasi ekuiti dalam tempoh tersebut.

Rajah 2.15: Sistem Perbankan – Nisbah Harga kepada Nilai Buku dan Nisbah Harga kepada Perolehan Bank Tersenarai di Pasaran Saham Malaysia



Nota: Merujuk kepada median nisbah kumpulan perbankan domestik (*domestic banking group*, DBG) di Malaysia.

Sumber: Bloomberg

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh

Nisbah jumlah modal sistem perbankan kekal kukuh pada 18.4% daripada jumlah aset berwajaran risiko (Disember 2023: 19.0%), dengan lebihan penampan modal sebanyak RM136.1 bilion (Disember 2023: RM143.4 bilion) (Rajah 2.16). Penampan yang kukuh ini terus membolehkan bank-bank menangani kejutan luar jangka dan memudahkan pengantaraan kredit kepada ekonomi.

Berdasarkan penilaian terkini BNM terhadap bank-bank domestik yang penting dari segi sistemik (*domestic systemically important banks*, D-SIB) menggunakan data yang dikemukakan pada penghujung tahun 2023, senarai kumpulan perbankan yang ditetapkan sebagai D-SIB dan keperluan penyerapan kerugian lebih tinggi (*higher loss absorbency*, HLA) masing-masing bagi mencerminkan kepentingan sistemik mereka kekal tidak berubah (Jadual 2.1). Semua D-SIB terus mengekalkan modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 (Common Equity Tier 1, CET1) jauh melebihi paras minimum pengawalseliaan, termasuk keperluan HLA.

Rajah 2.16: Sistem Perbankan – Permodalan



Nota: Lebihan jumlah modal merujuk kepada jumlah modal yang melebihi keperluan minimum pengawalseliaan termasuk keperluan penampan pengekalan modal 2.5% serta keperluan minimum bank tertentu yang lebih tinggi.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 2.1: Keperluan HLA untuk D-SIB

D-SIB	Keperluan HLA (% daripada aset berwajaran risiko)
Malayan Banking Berhad	1.0
CIMB Group Holdings Berhad	
Public Bank Berhad	0.5

Sumber: Bank Negara Malaysia

[5] Risiko kadar faedah dalam akaun perbankan (*interest rate risk in the banking book*, IRRBB) mencerminkan risiko semasa atau risiko berkemungkinan terhadap modal dan pendapatan bank-bank yang berpunca daripada pergerakan negatif kadar faedah yang menjejaskan kedudukan akaun perbankan bank-bank. Risiko ini diukur sebagai peratusan daripada modal bank-bank (Jun 2024: 6.7%; Disember 2023: 6.9%).

Risiko penularan daripada operasi luar negeri DBG kekal terhad

Operasi luar negeri kumpulan perbankan domestik (*domestic banking groups*, DBG) kekal menguntungkan (Rajah 2.17). Hal ini terutamanya didorong oleh operasi di Singapura (mewakili 55% aset operasi luar negeri) (Rajah 2.18) yang mencatatkan peningkatan pendapatan operasi dan kira semula (*write-back*) peruntukan kerugian pinjaman yang lebih tinggi. Operasi di Thailand terus mencatatkan kerugian disebabkan oleh kos kredit yang tinggi bagi peminjam bukan runcit terpilih yang masih belum pulih daripada kesan pandemik.

Meskipun begitu, risiko kesan limpahan kepada bank-bank induk di Malaysia kekal terurus kerana operasi di Thailand hanya menyumbang hingga 2% daripada jumlah gabungan aset DBG.

Rajah 2.17: Sistem Perbankan – Pulangan atas Ekuiti Operasi Luar Negeri Mengikut Negara



Nota: 1. Purata pulangan atas ekuiti keseluruhan diberikan wajaran berdasarkan saiz aset operasi luar negeri terpilih.
2. Purata pulangan atas ekuiti diberikan wajaran berdasarkan saiz operasi luar negeri setiap kumpulan perbankan domestik mengikut negara.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.18: Sistem Perbankan – Profil Aset Operasi Luar Negeri Utama



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sama seperti di Malaysia, kualiti aset operasi luar negeri terus bertambah baik (Rajah 2.19). Bahagian pinjaman di bawah program bantuan bayaran balik pinjaman terus berkurang (0.9% daripada jumlah pinjaman operasi luar negeri; Disember 2023: 1.3%). Risiko mudah tunai dan pendanaan yang berpunca daripada operasi DBG di luar negeri kekal terhad kerana operasi utama luar negeri dibiayai sebahagian besarnya oleh deposit pelanggan yang stabil (Rajah 2.20). Operasi luar negeri DBG juga terus disokong oleh penampan modal yang kukuh (nisbah jumlah modal purata setakat bulan Jun 2024: 20.9%; Disember 2023: 20.7%).

Rajah 2.19: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar Operasi Luar Negeri



Nota: Purata nisbah pinjaman terjejas kasar diberikan wajaran berdasarkan saiz aset operasi luar negeri terpilih.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.20: Sistem Perbankan – Profil Pendanaan Operasi Luar Negeri Utama



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

SEKTOR INSURANS DAN TAKAFUL

Keuntungan dana insurans dan takaful secara keseluruhan meningkat berikutan pelaburan yang kukuh dan prestasi pengunderaitan yang bertambah baik

Keuntungan dana insurans hayat dan takaful keluarga secara keseluruhan, seperti yang diukur melalui lebihan pendapatan berbanding dengan perbelanjaan, adalah lebih tinggi pada separuh pertama tahun 2024 (RM8.4 bilion; ST2 2023: RM3.2 bilion) (Rajah 2.21). Hal ini sebahagian besarnya disebabkan oleh keuntungan tidak direalisasikan bersih yang lebih tinggi daripada portfolio pelaburan ekuiti, yang didorong oleh prestasi pasaran Bursa Malaysia yang kukuh, serta pendapatan pelaburan yang mampan.

Rajah 2.21: Dana Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Komposisi Pendapatan dan Perbelanjaan



Nota: 1. Data tidak termasuk dana unit berkaitan pelaburan.
2. Pendapatan pengunderaitan bersih merujuk lebihan premium bersih selepas ditolak bayaran manfaat, imbuhan agensi dan perbelanjaan pengurusan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO) hayat serta keluarga mencatatkan kerugian pengunderaitan bersih yang lebih rendah pada separuh pertama tahun 2024. Hal ini mencerminkan bayaran manfaat bagi polisi yang telah matang dan bayaran manfaat berhak yang secara bermusim lazimnya lebih rendah pada separuh pertama tahun. Walau bagaimanapun, prestasi pengunderaitan terus terjejas oleh bayaran manfaat perubatan yang kekal tinggi (ST1 2024: RM5.3 bilion; ST2 2023: RM5.3 bilion; ST1 2023: RM4.7 bilion). Keadaan ini didorong oleh peningkatan kadar insiden, khususnya daripada kes kronik dan akut, seiring dengan peningkatan kos purata keseluruhan rawatan perubatan. Sebagai tindak balas, kebanyakan ITO terus melaksanakan penetapan semula harga untuk polisi perubatan dan kesihatan. Kesan pelarasan ini terhadap margin pengunderaitan dijangka berlaku secara beransur-ansur kerana pelarasan harga hanya dikenakan pada ulang tahun polisi. Langkah-langkah yang diambil oleh ITO bagi mengekalkan tahap mampu milik polisi seperti mengehadkan kenaikan harga dan melaksanakan kenaikan ini secara berperingkat dari masa ke masa menyederhanakan lagi kesan ke atas penetapan harga dan margin.

Langkah-langkah untuk membendung inflasi perubatan kekal mustahak bagi memastikan akses yang berterusan kepada perlindungan insurans dan takaful perubatan mampu milik. Bagi tujuan ini, dokumen dasar yang disemak semula berhubung dengan Perniagaan Insurans/Takaful Perubatan dan Kesihatan (Medical and Health Insurance/Takaful Business, MHIT) yang dikeluarkan oleh BNM pada bulan Februari 2024 menghendaki semua ITO menawarkan pilihan kepada pengguna untuk membeli produk MHIT dengan ciri pembayaran bersama (*co-payment*) sebagai pilihan yang lebih mampu milik mulai bulan September 2024. Dari masa ke masa, pengambilan lebih banyak produk MHIT bercirikan pembayaran bersama dijangka meningkatkan akses kepada produk MHIT yang ditawarkan dan pada masa yang sama, menyelaraskan insentif dengan penggunaan perkhidmatan penjagaan kesihatan berasaskan keperluan. Hal ini seterusnya akan membantu membendung inflasi kos perubatan. Langkah ini menjadi pelengkap kepada pembaharuan penjagaan kesihatan dan pembiayaan kesihatan secara lebih meluas yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan. Pembaharuan ini penting untuk terus mempertingkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan serta mewujudkan hasil kesihatan yang lebih berkualiti.

Pertumbuhan yang mampan dalam premium[6] perniagaan baharu terus menyokong keuntungan dana insurans hayat dan takaful keluarga secara keseluruhan. Premium perniagaan baharu berkembang sebanyak 11% pada separuh pertama tahun 2024 (ST1 2023: 2%; purata separuh tahunan 2017–19: 9.8%) (Rajah 2.22), didorong oleh produk perubatan dan kesihatan serta produk berkaitan pelaburan. Sebaliknya, segmen insurans hayat sertaan terus menguncup. Meskipun segmen insurans hayat sertaan terus menurun, impak terhadap keuntungan sektor secara keseluruhan adalah terhad. Hal ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kesan penggantian yang kukuh, dengan pemegang polisi beralih daripada polisi sertaan kepada produk alternatif, khususnya polisi berkaitan pelaburan dan polisi bukan sertaan (rujuk rencana 'Perniagaan Insurans Hayat Sertaan di Malaysia' untuk butiran lanjut).

[6] Merujuk premium insurans dan sumbangan takaful, melainkan dinyatakan sebaliknya.

Rajah 2.22: Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Pertumbuhan Premium Perniagaan Baharu dan Komposisi Produk



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam sektor insurans dan takaful am, keuntungan operasi secara amnya adalah mampan pada separuh pertama tahun 2024 (RM1.7 bilion; ST2 2023: RM1.8 bilion; ST1 2023: RM1.3 bilion) (Rajah 2.23). Prestasi pengunderaitan disokong oleh pertumbuhan yang berterusan dalam premium langsung kasar daripada segmen motor (Rajah 2.24) yang berpunca daripada jualan kereta yang lebih tinggi seiring dengan keadaan ekonomi yang menggalakkan dan kejayaan pelancaran model baharu termasuk kenderaan elektrik. Hal ini berlaku walaupun terdapat peruntukan yang lebih tinggi untuk tuntutan daripada segmen motor (ST1 2024: RM0.6 bilion; ST2 2023: RM0.3 bilion) yang sejajar dengan pertumbuhan perniagaan yang kukuh serta kos pembaikan yang meningkat. Sementara itu, tuntutan untuk kejadian banjir besar yang lebih rendah berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya serta pendapatan pelaburan yang berterusan turut membantu menyokong keuntungan operasi ITO am.

Rajah 2.23: Dana Insurans dan Takaful Am – Komposisi Keuntungan Operasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.24: Sektor Insurans dan Takaful Am – Pertumbuhan Premium Langsung Kasar dan Komposisi Produk



Sumber: Bank Negara Malaysia

Setakat bulan Jun 2024, semua ITO am telah memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk beralih kepada Fasa 2A[7] proses liberalisasi tarif motor dan kebakaran yang sedang berlangsung. Peningkatan fleksibiliti penetapan harga yang diperkenalkan dalam Fasa 2A telah memudahkan pelarasan kadar premium dan sumbangan secara beransur-ansur untuk mencerminkan profil risiko pemegang polisi motor secara lebih baik serta memperkukuh insentif keselamatan jalan raya. Melalui peralihan ini, kenaikan dan penurunan premium telah didapati. Hal ini mencerminkan penetapan harga yang lebih dibezakan mengikut risiko bagi segmen yang diinsuranskan. Berikutan pelarasan ini, industri didapati terus mengalami penstabilan dalam nisbah tuntutan bersih yang ditanggung[8] bagi segmen perniagaan motor sepanjang 12 bulan yang lalu (ST1 2024: 69%; ST2 2023: 68%; ST1 2023: 69%).

Nisbah kecukupan modal agregat industri terus kukuh sebanyak 227% pada separuh pertama tahun 2024 (Disember 2023: 222.2%), jauh melebihi kadar minimum pengawalseliaan, iaitu sebanyak 130% (Rajah 2.25). Penampan modal agregat yang melebihi keperluan pengawalseliaan juga kekal kukuh sebanyak RM37.4 bilion (Disember 2023: RM38.6 bilion).

[7] ITO yang komited untuk melakukan pembaharuan bagi menambah baik ekosistem tuntutan motor (merangkumi keadaan amalan berhemat dan amalan pasaran serta komitmen untuk mendigitalkan proses tuntutan motor bagi tujuan kawalan dan kecekapan yang lebih tinggi) akan menerima fleksibiliti harga yang lebih besar secara beransur-ansur untuk produk insurans/takaful motor dan kebakaran. Pelaksanaan ini akan dibuat dalam dua peringkat: Fasa 2A dan diikuti Fasa 2B.

[8] Merujuk kepada nisbah tuntutan bersih yang ditanggung daripada pendapatan premium diperoleh.

Rajah 2.25: Sektor Insurans dan Takaful – Nisbah Kecukupan Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada bulan Jun 2024, BNM telah mengeluarkan draf dedahan mengenai Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko untuk Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful (Risk-Based Capital Framework for Insurers and Takaful Operators)[9] bagi tujuan maklum balas orang ramai sebagai sebahagian daripada kajian berbilang fasa yang sedang dijalankan oleh BNM terhadap keperluan kecukupan modal untuk ITO (termasuk penanggung insurans semula dan pengendali takaful semula). Draf dedahan ini menjelaskan cadangan penambahbaikan terhadap rangka kerja modal, yang bertujuan menambah baik rangkuman perlindungan risiko, kepekaan terhadap risiko dan perbandingan langkah kecukupan modal merentas industri insurans dan takaful.

Dalam jangka masa terdekat, ketidakpastian dalam keadaan pasaran kewangan akan terus menjadi risiko tekanan utama terhadap pendapatan ITO, berikutan dedahan ITO yang besar kepada pelaburan bon dan ekuiti. Selain itu, dedahan kepada kejadian berkaitan iklim, khususnya banjir, boleh menyebabkan peningkatan volatiliti dalam prestasi ITO am. Sementara itu, kerugian tambahan akibat inflasi perubatan boleh meningkatkan risiko pengurangan akses kepada perlindungan insurans dan takaful perubatan mampu milik, lantas menyebabkan isi rumah mungkin lebih terdedah kepada kejutan kewangan.

[9] Draf dedahan ini boleh didapati melalui https://www.bnm.gov.my/-/ed-rcpito.

Perniagaan Insurans Hayat Sertaan di Malaysia

Polisi insurans hayat sertaan ialah sejenis produk insurans yang memberikan peluang kepada pemegang polisi untuk mendapat keuntungan dana insurans, di samping menerima manfaat terjamin apabila membuat tuntutan terhadap kejadian yang diinsuranskan seperti kematian atau hilang upaya kekal dan menyeluruh. Keuntungan dana insurans hayat sertaan boleh diagihkan sebagai manfaat tanpa jaminan[1] secara berkala dan/atau apabila polisi ditamatkan, seperti yang ditetapkan dalam terma polisi. Polisi insurans hayat sertaan lazimnya merangkumi elemen tabungan, iaitu pemegang polisi dijangka menerima pampasan tempoh matang apabila polisi ditamatkan atau pada akhir tempoh polisi. Dalam sesetengah pasaran, polisi insurans hayat sertaan juga dirujuk sebagai polisi insurans dengan keuntungan.

Rencana ini mengkaji semula perkembangan dalam perniagaan insurans hayat sertaan di Malaysia, memberikan analisis tentang faktor-faktor yang mendorong trend terkini dalam industri dan menilai implikasi terhadap sektor insurans.

Perkembangan semasa perniagaan insurans hayat sertaan di Malaysia

Sepanjang dekad yang lalu, bahagian premium bersih polisi insurans hayat sertaan telah berkurang dengan ketara dalam sektor insurans hayat dan takaful keluarga (Rajah 1). Keadaan ini disebabkan oleh pengurangan berterusan bagi premium perniagaan insurans hayat sertaan baharu, ditambah dengan premium pembaharuan yang lebih rendah yang berpunca daripada penamatan dan kematangan polisi insurans hayat sertaan dari masa ke masa.

Rajah 1: Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Premium Bersih berdasarkan Komposisi Produk



Sumber: Bank Negara Malaysia

Faktor-faktor yang mendorong penurunan dalam perniagaan insurans hayat sertaan

Trend pengurangan polisi insurans hayat sertaan tidak berlaku hanya di Malaysia. Beberapa pasaran di Asia dan Eropah[2] juga berhadapan dengan situasi yang sama. Beberapa cabaran lazim yang dihadapi oleh penanggung insurans di seluruh Asia[3] termasuk persekitaran kadar faedah rendah berpanjangan yang pernah dicatatkan yang telah memberikan tekanan pada pulangan pelaburan, keperluan pengawalseliaan yang lebih ketat termasuk perubahan pada rangka kerja modal berasaskan risiko, serta penawaran polisi alternatif yang lebih menarik.

---

1 Manfaat boleh berbentuk bonus dan/atau bayaran dividen, sebagai tambahan kepada manfaat terjamin.
2 Berdasarkan rencana Milliman bertarikh 17 Mac 2021, bertajuk 'The with-profits end game: A consideration of the potential approaches to winding up with-profits funds'.
3 Berdasarkan tinjauan Milliman pada suku kedua tahun 2023 dalam kalangan 76 penanggung insurans hayat di seluruh Asia termasuk Malaysia, China, Hong Kong, India, Indonesia, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Thailand dan Vietnam (Participating business in Asia 2023 (milliman.com)).

Penanggung insurans hayat di Malaysia juga berhadapan dengan cabaran yang sama. Dalam satu tinjauan oleh Bank Negara Malaysia (BNM),[4] lebih separuh penanggung insurans yang mengambil bahagian dalam tinjauan menyatakan bahawa peralihan pilihan pengguna kepada polisi insurans yang menyediakan perlindungan yang lebih baik terhadap ketidaktentuan kehidupan adalah faktor penyumbang utama kepada pengurangan polisi insurans hayat sertaan. Pilihan ini sebahagiannya mencerminkan kesedaran dan permintaan yang meningkat dalam kalangan rakyat Malaysia terhadap perlindungan kewangan untuk perbelanjaan perubatan dan kesihatan, yang lazimnya tidak dilindungi di bawah polisi insurans hayat sertaan. Polisi insurans hayat sertaan secara umumnya menyediakan perlindungan untuk kejadian seperti kematian atau hilang upaya kekal dan menyeluruh, yang mungkin tidak selaras dengan pilihan semasa bakal pemegang polisi yang mencari perlindungan meliputi keperluan kewangan yang lebih menyeluruh.

Polisi insurans hayat sertaan juga dianggap kurang fleksibel berbanding polisi insurans hayat lain. Polisi ini lazimnya mempunyai premium tetap dengan liputan minimum terjamin yang ditetapkan dari awal. Sebaliknya, polisi insurans hayat lain seperti polisi berkaitan pelaburan (*investment-linked*, IL)[5] membolehkan pemegang polisi membuat pengeluaran sebahagian atau bayaran tambahan kepada dana unit mereka sepadan dengan kedudukan kewangan mereka, selain memilih dan menukar pelaburan dana unit mengikut kesanggupan mengambil risiko dan objektif kewangan mereka.

Tambahan lagi, polisi insurans hayat sertaan mungkin lebih sukar untuk difahami atau diterima sepenuhnya oleh pemegang polisi disebabkan cara keuntungan dikongsi dengan pemegang polisi. Sebagai contoh, prestasi pelaburan sebenar dana insurans hayat sertaan tidak ditunjukkan dengan jelas dalam bonus yang diisytiharkan berikutan amalan perataan (*smoothing practices*).[6] Perkara ini berbeza daripada polisi IL iaitu pulangan daripada dana IL ditunjukkan terus dalam nilai dana unit dengan risiko pelaburan ditanggung sepenuhnya oleh pemegang polisi.

Daripada perspektif penawaran, penanggung insurans hayat berhadapan cabaran yang lebih ketara untuk memenuhi jangkaan pulangan pelaburan dana insurans dalam persekitaran makroekonomi yang tidak menentu. Penanggung insurans hayat turut mengambil kira keperluan pengawalseliaan yang ditambah baik[7] bagi strategi jangka panjang mereka untuk perniagaan insurans hayat sertaan. Pertimbangan ini membuatkan sesetengah penanggung insurans beransur-ansur mengurangkan penawaran polisi insurans hayat sertaan.

Kesan terhadap sektor insurans

Penurunan jangka panjang jumlah polisi insurans hayat sertaan baharu telah menyebabkan trend kerugian pengunderaitan yang berterusan untuk dana insurans hayat sertaan. Walau bagaimanapun, kesan kewangan terhadap sektor masih terhad. Dengan mengecualikan dana insurans hayat sertaan, sektor terus mencatatkan prestasi pengunderaitan bersih positif, didorong oleh polisi insurans hayat lain. Secara keseluruhan, jumlah premium perniagaan baharu, termasuk polisi berasaskan simpanan, terus mengalami pertumbuhan positif. Keadaan ini disokong oleh pertumbuhan berterusan dalam polisi insurans alternatif. Hal ini mencerminkan kesan gantian yang kukuh berkaitan premium perniagaan baharu yang beralih daripada polisi sertaan kepada polisi IL dan bukan sertaan. Kesan sedemikian telah terus menyokong prestasi perolehan keseluruhan (Rajah 2).

[4] Tinjauan BNM pada bulan April 2024 melibatkan 11 penanggung insurans hayat di Malaysia yang mengeluarkan polisi insurans hayat sertaan.
[5] Polisi yang menggabungkan perlindungan insurans hayat dengan komponen pelaburan, dan risiko pelaburan ditanggung oleh pemegang polisi.
[6] Perataan ialah ciri unik polisi insurans hayat sertaan. Penanggung insurans hayat mungkin menahan sebahagian pulangan semasa tempoh prestasi dana kukuh untuk mengekalkan bonus semasa tempoh prestasi dana lemah.
[7] Rujuk dokumen dasar BNM tentang Pengurusan Perniagaan Insurans Hayat Sertaan yang diterbitkan pada 10 Julai 2023 (https://www.bnm.gov.my/documents/20124/948107/pd-Participating-Life-Business-Mgmt-July2023.pdf).

Rajah 2: Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Premium Perniagaan Baharu berdasarkan Komposisi Produk



Sumber: Bank Negara Malaysia

Meskipun dana insurans hayat sertaan semakin mengecil, penanggung insurans hayat telah memperuntukkan rizab yang mencukupi bagi membiayai pembayaran untuk polisi insurans hayat sertaan. Manfaat terjamin untuk pemegang polisi dilindungi sepenuhnya oleh penampan yang lebih daripada mencukupi, dengan nisbah perlindungan sebanyak 166% pada bulan Jun 2024.[8] Setakat bulan Jun 2024, jumlah lebihan yang dihasilkan[9] daripada dana insurans hayat sertaan kekal positif sebanyak RM2.4 bilion, lantas menjadi tambahan kepada keseluruhan penampan modal ITO.

Prospek

Dapatan daripada tinjauan BNM menunjukkan bahawa pertumbuhan perniagaan insurans hayat sertaan baharu cenderung untuk kekal rendah pada jangka masa terdekat.

Bagi sesetengah penanggung insurans, pengurangan dana insurans hayat sertaan yang berterusan mungkin akan menurunkan skala ekonomi bagi pengumpulan risiko dan perbelanjaan kepada paras yang tidak dapat dipertahankan. Menurut dokumen dasar mengenai Pengurusan Perniagaan Insurans Hayat Sertaan yang dikeluarkan oleh BNM pada bulan Julai 2023, penanggung insurans perlu mematuhi keperluan khusus untuk menguruskan dana insurans hayat sertaan yang sedikit[10] dan semakin berkurang bagi mengekalkan keselamatan dan kekukuhan dana serta melindungi kepentingan pemegang polisi. Perkara ini termasuk keperluan bagi penanggung insurans untuk mengambil tindakan pemulihan atau pencegahan bagi menangani risiko yang timbul daripada penyusutan dana insurans hayat sertaan. Tindakan ini termasuk semakan terhadap strategi pengurusan bonus dan komunikasi yang tepat pada masanya dan sewajarnya dengan pemegang polisi serta meningkatkan rizab bagi memastikan pembayaran adalah setara dengan jangkaan munasabah pemegang polisi.

[8] Nisbah jumlah rizab manfaat dana insurans hayat sertaan secara relatif kepada rizab manfaat terjamin.
[9] Lebihan yang dihasilkan merujuk jumlah perubahan atau peningkatan dalam lebihan belum diperuntukkan (lebihan aset berbanding liabiliti, termasuk rizab). Lebihan ini boleh digunakan untuk menyokong keperluan modal dana insurans.
[10] Berdasarkan dokumen dasar BNM mengenai Pengurusan Perniagaan Insurans Hayat Sertaan, dana insurans hayat sertaan dianggap kecil jika (i) saiz dana sertaan kurang daripada RM2 bilion; (ii) bilangan polisi yang berkuat kuasa kurang daripada 200,000; dan (iii) premium pejabat tahunan kurang daripada RM200 juta.

Tambahan

Jadual A.1

Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama

	Pada akhir				
	ST1 2022	ST2 2022	ST1 2023	ST2 2023	ST1 2024*a*
	% (atau dinyatakan sebaliknya)				
Sistem Perbankan					
Nisbah Jumlah Modal	18.4	19.0	18.8	19.0	18.4
Nisbah Modal Kumpulan 1	15.2	15.8	15.7	15.9	15.3
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	14.7	15.2	15.1	15.4	14.8
Pulangan atas Aset[1]	1.3	1.4	1.3	1.2	1.3
Pulangan atas Ekuiti[1]	11.8	12.3	11.5	11.2	12.0
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai	148.2	151.4	154.7	161.0	155.1
Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih[2]	1.1	1.1	1.1	1.1	1.0
Caj Modal atas Risiko Kadar Faedah dalam Akaun Dagangan kepada Modal Asas	0.9	0.9	1.0	1.0	1.3
Kedudukan Terbuka Bersih FX kepada Modal Asas	4.1	3.4	3.7	3.9	5.2
Pemegangan Ekuiti kepada Modal Asas	1.3	1.2	1.2	1.4	2.3
Sektor Insurans dan Takaful					
Nisbah Kecukupan Modal	224.4	225.5	226.4	222.2	227.0
Insurans Hayat dan Takaful Keluarga					
Lebihan Pendapatan berbanding Perbelanjaan (RM bilion)[3]	-2.8	5.5	6.0	3.2	8.4
Premium / Sumbangan Perniagaan Baharu (RM bilion)	12.3	10.8	12.6	11.5	14.0
Nisbah Kecukupan Modal	217.3	216.4	217.5	211.2	220.0
Insurans Am dan Takaful Am					
Keuntungan Operasi (RM bilion)	1.0	2.1	1.3	1.8	1.7
Keuntungan Pengunderaitan (RM bilion)	0.4	1.2	0.2	0.8	0.7
Premium / Sumbangan Langsung Kasar (RM bilion)	12.1	12.1	13.3	13.3	14.6
Nisbah Tuntutan	63.8	52.0	60.7	56.7	58.5
Nisbah Kecukupan Modal	246.2	249.5	250.0	253.0	243.1
Sektor Isi Rumah (IR)					
Hutang IR (RM bilion)	1,409.1	1,451.4	1,481.8	1,534.7	1,573.6
Aset Kewangan IR (RM bilion)	2,901.9	3,002.0	3,038.7	3,176.8	3,300.1
Nisbah Hutang IR kepada KDNK	84.4	80.9	81.9	84.2	83.8
Nisbah Aset Kewangan IR kepada Jumlah Hutang IR	205.9	206.8	205.1	207.0	209.7
Nisbah Aset Kewangan Mudah Tunai IR kepada Jumlah Hutang IR	137.5	135.4	133.3	132.3	135.2
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor IR (Pinjaman Bank)[2]	1.3	1.2	1.3	1.2	1.2
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor IR (Pinjaman Bukan Bank)[4]	1.1	1.1	1.3	1.2	1.2
Sektor Perniagaan					
Pulangan atas Aset	2.8	2.5	2.4	2.4	2.4
Pulangan atas Ekuiti	4.7	4.6	3.8	4.0	4.0
Nisbah Hutang kepada Ekuiti	22.2	22.6	20.9	20.5	20.5
Nisbah Perlindungan Faedah (kali)	8.2	7.4	5.7	5.8	6.2
Margin Operasi	7.7	7.0	6.4	6.8	7.0
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor Perniagaan[2]	3.0	2.8	2.8	2.7	2.6
Institusi Kewangan Pembangunan[5]					
Pemberian Pinjaman kepada Sektor Disasarkan (% perubahan)[6]	2.7	1.3	2.4	5.9	5.3
Deposit Digembleng (% perubahan)	2.3	3.9	1.8	-0.1	4.3
Nisbah Pinjaman Terjejas[6]	5.9	5.5	5.9	5.6	6.0
Pulangan atas Aset	1.0	1.1	1.2	1.3	1.4

1 Keuntungan sistem perbankan diagregat pada peringkat entiti dan diselaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik.
2 Berdasarkan pinjaman Tahap 3 di bawah Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (Malaysian Financial Reporting Standard 9, MFRS 9).
3 Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan tidak termasuk dana unit insurans berkaitan pelaburan bagi mencerminkan prestasi teras keuntungan ITO dengan lebih tepat. Oleh itu, data mungkin tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan data yang dilaporkan dalam penerbitan sebelumnya.
4 Berdasarkan pinjaman tertunggak 3 bulan atau lebih.
5 Merujuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.
6 Data pinjaman/pembiayaan IKP bermula tahun 2022 dan seterusnya adalah berdasarkan keperluan pelaporan statistik yang dikemas kini untuk mencerminkan takrifan data dan metodologi pelaporan yang lebih tepat.
a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, S&P Capital IQ dan

Jadual A.2

Penunjuk Kewangan Utama: Sektor Perbankan Islam dan Takaful

	Pada akhir				
	ST1 2022	ST2 2022	ST1 2023	ST2 2023	ST1 2024*a*
Sistem Perbankan Islam	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Jumlah Aset[1]	1,236,239.2	1,316,121.5	1,343,223.8	1,398,193.1	1,440,593.4
% daripada jumlah aset seluruh sistem perbankan[1]	35.5	36.3	36.2	36.6	36.9
Jumlah Pembiayaan[1]	915,901.3	974,383.5	993,226.8	1,049,910.7	1,083,599.8
% daripada jumlah pinjaman / pembiayaan seluruh sistem perbankan[1]	43.0	44.5	44.7	45.6	45.9
Jumlah Deposit dan Akaun Pelaburan[1]	1,001,104.9	1,058,671.8	1,075,999.2	1,121,986.4	1,148,306.9
Jumlah Deposit[1]	865,763.1	926,471.6	933,153.2	968,569.3	990,501.3
Jumlah Akaun Pelaburan[1]	135,341.8	132,200.2	142,845.9	153,417.1	157,805.6
% daripada jumlah deposit dan akaun pelaburan seluruh sistem perbankan[1]	40.2	41.6	41.6	42.0	42.3
	%				
Nisbah Jumlah Modal	18.3	18.9	18.2	18.0	17.9
Nisbah Modal Kumpulan 1	14.5	15.5	14.8	14.8	14.6
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	14.0	14.8	14.1	14.0	13.9
Pulangan atas Aset	1.2	1.3	1.0	1.0	1.1
Nisbah Pembiayaan Terjejas Bersih	1.0	1.0	1.1	1.1	1.0
Sektor Takaful	RM juta (atau dinyatakan sebaliknya)				
Aset Dana Takaful	46,780.0	49,864.4	52,461.9	55,631.9	59,749.6
Keluarga	41,182.8	43,645.1	45,969.0	48,476.1	52,274.7
Am	5,597.2	6,219.4	6,492.9	7,155.8	7,474.9
% daripada industri insurans dan takaful	13.2	13.4	13.7	14.0	14.2
Pendapatan Sumbangan Bersih	8,588.5	7,715.3	8,973.5	8,310.7	9,756.8
Keluarga	6,886.3	5,853.9	7,053.3	6,217.6	7,527.1
Am	1,702.1	1,861.4	1,920.2	2,093.1	2,229.6
% daripada industri insurans dan takaful	24.3	21.6	24.7	22.1	24.7
Takaful Keluarga					
Sumbangan Perniagaan Baharu	5,439.9	4,618.9	5,225.6	4,363.4	5,228.6
Takaful Am					
Sumbangan Langsung Kasar	2,229.5	2,407.2	2,679.0	2,764.4	2,960.4
Nisbah Tuntutan (%)	60.0	61.0	64.3	62.2	63.6

[1] Termasuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.
a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia